



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7169]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 7181]

Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil [Ruangan 7184]

Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang [Ruangan 7200]

Rang Undang-undang Profession Undang-undang (Pindaan) [Ruangan 7210]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) [Ruangan 7222]

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 7237]

Rang Undang-undang Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) [Ruangan 7242]

Rang Undang-undang Talikom (Pindaan) [Ruangan 7246]

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 7249]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO' HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat** Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN UMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'AKUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).**
- „ **TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**
- „ **PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).**
- „ **TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).**
- „ **TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).**
- „ **TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).**
- „ **DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).**
- „ **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).**

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 14hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN PERTANYAAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

1. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar pegawai-pegawai Undang-undang berhenti daripada Perkhidmatan Keadilan (Judiciary) disebabkan Pegawai-pegawai Undang-undang di dalam tanggagaji biasa (Time-scale) hanya boleh masuk ke dalam tanggagaji kanan (Senior Time-scale) setelah berkhidmat selama tiga tahun dan tiada dapat naik pangkat cara "automatic" kepada tingkatan tanggagaji kanan (Senior Time-scale). Jika benar, apakah langkah beliau bercadang hendak ambil bagi memperbetulkan keadaan ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Pegawai Undang-undang yang meletakkan jawatan mereka dengan Kerajaan adalah atas sebab-sebab tersendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut sekim perkhidmatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang ada sekarang, seseorang Pegawai Undang-undang Tingkatan Biasa yang telah:

- (i) disahkan dalam jawatannya; dan
 - (ii) berkhidmat dengan memuaskan selama sekurang-kurangnya 5 tahun;
- akan layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan kosong dalam Tingkatan Kanan.

Dari ini Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kenaikan pangkat seseorang pegawai Kerajaan itu bukanlah secara "automatic", bahkan ianya adalah bergantung semata-mata atas kebolehan, pengalaman dan kelulusannya serta terdapat kekosongan jawatan yang berkenaan.

PERJUDIAN TIKAM-TIKAM KANAK-KANAK

2. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa permainan tikam-tikam di kalangan kanak-kanak yang biasa dilihat di merata-rata negeri (khususnya bila ada hari-hari besar) telah menimbulkan perasaan bimbang yang amat sangat dalam hati ibubapa kerana melibatkan duit saku kanak-kanak di samping menggalakkan perjudian.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang kanak-kanak terlibat di dalam perjudian tikam-tikam dan sedang mengambil tindakan terhadap mereka yang menjalankan perjudian itu. Sepanjang tahun ini iaitu dari bulan Januari hingga bulan Oktober, 1976, 26 orang telah ditangkap dan didakwa kerana menjalankan perjudian tersebut. Daripada 26 orang itu, 12 orang telah didapati salah, 2 orang dibebaskan, manakala kes terhadap 12 orang lagi masih belum selesai.

Selain daripada itu, perhatian sedang diambil ke atas kedai-kedai dan gerai-gerai serta orang-orang yang diketahui atau disyaki terlibat dalam kegiatan ini. Ibubapa juga diseru supaya bekerjasama dengan pihak polis dan juga menjaga anak-anak mereka supaya perjudian tikam-tikam di kalangan

kanak-kanak dapat dibasmi, umpamanya, ibubapa, wang belanja sekolah janganlah diberi berlebih-lebihan dari satu masa ke satu masa.

PENGHALANG JALAN DI KAWASAN SEKOLAH

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan penghalang jalan di kawasan sekolah atau di jalan hendak masuk ke sekolah bagi mengelakkan kemalangan dan gangguan kepada murid-murid sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, memang telah ada sekolah-sekolah yang mengadakan penghalang jalan di kawasan sekolah untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya kemalangan kepada murid-murid.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada lagi sekolah-sekolah yang tidak ada mempunyai penghalang jalan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Oleh kerana perbelanjaan untuk membina penghalang jalan ini tidak berapa besar, pihak sekolah sendiri bolehlah membina penghalang jalan itu.

Bagi sekolah-sekolah besar khasnya sekolah-sekolah di pekan, sekolah-sekolah itu mempunyai Traffic Warden untuk mengawal traffic bagi kemudahan murid-murid itu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa penghalang jalan ini tidak boleh dibuat jikalau sekolah itu di luar daripada kawasan bandar. Oleh itu, bagaimana sekolah-sekolah berkenaan hendak membuat penghalang jalan itu.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ialah mengenai sekolah-sekolah yang berada di bandar. Bagi sekolah-sekolah di luar bandar, kalau dalam kawasan sekolah itu sendiri, tentulah sekolah itu berhak membina penghalang jalan itu.

TANAH RUNTUH

4. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kejadian tanah runtuh berlaku di negara ini dalam tahun 1975 dan 1976;
- (b) daripada kejadian itu berapa banyakkah kurban nyawa telah berlaku;
- (c) apakah sebab-sebab berlakunya kejadian tanah runtuh itu; dan
- (d) apakah tindakan yang diambil bagi mengelakkan kejadian yang memakan kurban yang banyak itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tahun 1975, 9 kejadian tanah runtuh telah berlaku dan bilangan kejadian dalam tahun 1976, hingga bulan Oktober ialah 13.
- (b) Kurban nyawa dalam tahun 1975 ialah 16, dan dalam tahun 1976, hingga bulan Oktober ialah 26.
- (c) Kejadian tanah runtuh kebanyakannya berlaku dalam musim tengkujuh dan tanah runtuh adalah disebabkan oleh kelemahan muka lombong yang diserapkan oleh air hujan di belakangnya.
- (d) Jabatan Galian sentiasa mengambil berbagai-bagai tindakan untuk mencegah keruntuhan muka-muka lombong seperti mengarahkan bahawa curam muka-muka lombong diperbaiki dan mengarahkan pelombong-pelombong menggerek tanah di belakang muka lombong yang dahulunya telah dikerjakan.

Di samping itu sepertimana Dewan ini telah dimaklumkan pada 16hb November, 1976, Jabatan Galian sentiasa memeriksa dan memberi nasihat serta mengeluarkan arahan-arahan mengenai keselamatan lombong kepada pelombong-pelombong sekalian. Untuk memperkemarkan lagi keselamatan di lombong-lombong tindakan sedang diambil oleh Jabatan Galian untuk mengarahkan tiap-tiap pelombong menubuhkan sebuah Jawatankuasa Keselamatan yang dapat menjaga keselamatan lombongnya dan bertanggungjawab atas semua tindakan berkenaan dengan keselamatan. Tindakan-tindakan sedang diambil untuk memberi

ceramah tunjuk ajar kepada Pengurus, Kepala dan Pembantu Kepala lombong berhubung dengan cara-cara keselamatan.

AJEN-AJEN MOTOKAR BUMIPUTRA

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah syarikat-syarikat kewangan di negara ini memberi kemudahan-kemudahan sewa beli kepada ajen-ajen motokar Bumiputra. Apakah syarikat-syarikat itu masih mengenakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang menyulitkan perniagaan Bumiputra berjalan dengan licin tanpa menghiraukan seruan-seruan kerajaan, dan nyatakan apakah tindakan-tindakan kerajaan untuk menjamin bahawa ejen-ejen motokar Bumiputra hendaklah dipastikan sentiasa mendapat bekalan dan model kereta yang baik dan bermutu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, dari siasatan yang telah dijalankan Kementerian ini mendapati syarikat-syarikat bumiputra yang telah dilantik sebagai ajen-ajen motokar diberi peluang oleh syarikat-syarikat kewangan di dalam pemberian kemudahan-kemudahan sewa beli. Kemudahan-kemudahan ini biasanya diperolehi oleh syarikat-syarikat bumiputra samada melalui syarikat-syarikat kewangan itu sendiri ataupun melalui ajen-ajen mereka yang sedia ada.

Tentang pertanyaan yang berikutan daripada itu samada syarikat-syarikat itu masih mengenakan sekatan-sekatan dan syarat yang menyulitkan perniagaan bumiputra di dalam bidang ini, kalaulah pertanyaan itu menyentuh syarikat-syarikat kewangan, suka saya menyatakan bahawa syarat-syarat yang dikenakan oleh syarikat-syarikat kewangan ini adalah syarat-syarat biasa. Dan sebagaimana saya katakan tadi kemudahan ini diberi dan kesulitan tidak timbul tentang bumiputra-bumiputra mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Tentang pertanyaan samada tindakan Kerajaan diambil untuk menjamin supaya ajen-ajen motokar bumiputra dipastikan sentiasa mendapat bekalan dan model kereta yang baik dan bermutu, sukacita saya menyatakan bahawa pada masa ini Kementerian

sedang mengikuti dengan teliti sistem bekalan kereta oleh syarikat-syarikat pemasaran kereta di Malaysia kepada syarikat-syarikat motor kereta bumiputra. Kementerian berbuat demikian dengan tujuan untuk memastikan supaya syarikat-syarikat pemasaran mengikut sistem pengedaran yang boleh menguntungkan syarikat-syarikat bumiputra. Dengan adanya sistem pemasaran yang sedemikian ianya akan memastikan yang syarikat bumiputra akan mendapat faedah-faedah berhubung dengan jumlah bekalan kereta, model dan mutu yang dibekalkan dan juga komisyen-komisyen yang diterima. Kementerian ini dapati dengan adanya sistem pengedaran yang baik, syarikat-syarikat bumiputra bukan sahaja akan dapat bekalan yang berpatutan malahan juga akan mendapat faedah-faedah yang boleh memajukan syarikat mereka. Kementerian ini dari masa ke semasa memperolehi data-data dan lain-lain maklumat tertentu dengan tujuan supaya syarikat-syarikat bumiputra mendapat kemudahan-kemudahan yang tersebut di atas.

UDA

6. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) Bilangan rumah kedai jenis sederhana dan murah yang telah didirikan oleh UDA di serta bandar seluruh Malaysia sejak dilancarkan Dasar Ekonomi Baru.
- (b) setakat manakah kejayaan yang telah tercapai; dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil keatas syarikat swasta yang menyelenggara daripada membekalkan bahan-bahan perniagaan kepada syarikat Bumiputra.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah ruangniaga-ruangniaga yang telah didirikan oleh UDA ialah sebanyak 171 yunit. Suka saya menerangkan di sini di samping UDA mendirikan sendiri ruangniaga iaitu rumah-rumah kedai dan lot-lot perniagaan bagi kemudahan peniaga-peniaga bumiputra. Setakat ini 606 yunit ruangniaga telah dibeli dan dijual balik kepada

bumiputra. Di samping itu juga sebanyak 346 yunit ruangnya telah disediakan oleh UDA kepada peniaga-peniaga bumiputra.

- (b) Salah satu masalah besar yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputra terutama di bandar-bandar besar ialah kesukaran mendapatkan tempat-tempat berniaga yang baik dan strategik, dan kalau ada pun kosnya terlalu mahal. Oleh itu dengan adanya usaha-usaha UDA mengadakan rumah-rumah kedai dan lot-lot perniagaan sebahagian masalah yang dihadapi oleh peniaga Bumiputra telah dapat diatasi. Sekarang ini bilangan peniaga-peniaga dan juga firma-firma bumiputra telah bertambah di mana dahulunya terdapat peniaga-peniaga yang bukan bumiputra keseluruhannya. Melalui penempatan-penempatan peniaga-peniaga bumiputra di tempat-tempat yang lebih baik ini juga menjadikan sikap mereka bertambah positif. Mereka lebih berkeyakinan sekarang ini untuk berniaga di pusat-pusat perniagaan di Komplek-kompleks Besar, misalnya, di Kompleks perniagaan.

- (c) Kerajaan memang sedar ada kadangkala syarikat-syarikat swasta yang memberikan layanan yang tidak serupa kepada pengedar-pengedar atau wakil-wakil penjual bumiputra. Tetapi saya telah difahamkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu pihaknya sekarang sedang berusaha menggalakkan penglibatan bumiputra sebagai pengedar-pengedar dan wakil-wakil penjual. Sebarang diskriminasi yang boleh menyekat tujuan ini sentiasa diawasi oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan tindakan-tindakan tegas kepada syarikat-syarikat swasta yang mengamalkan dasar diskriminasi ini sentiasa diambil.

PROJEK PEMBANGUNAN KELANTAN

7. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah wang daripada Kerajaan Pusat yang telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk projek-projek pembangunan di negeri tersebut sejak tahun 1974 hingga 1976.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, wang daripada Kerajaan Pusat untuk projek-projek pembangunan di negeri Kelantan adalah disalurkan melalui Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh tahun 1974 hingga 1976 sebanyak \$249,623,352 telah diperuntukkan seperti berikut:

Tahun 1974	...	...	\$65,188,296
Tahun 1975	...	...	\$84,562,120
Tahun 1976	...	...	\$99,872,936

PUSAT BIRO NARKOTIK

8. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Undang-undang menyatakan sebab-sebab Biro Narkotik tidak menjalankan satu penyelidikan secara mendalam mengenai jumlah penagih-penagih dadah yang terlibat di dalam negara kita mengikut bangsa, tidakkah pihak yang berkenaan akan melaksanakan perkara ini. Jika ada, bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kebajikan Am (Dato' Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, Pusat Biro Narkotik tidak dapat menjalankan penyelidikan yang mendalam mengenai jumlah penagih-penagih dadah kerana pada masa ini keanggotaan Pusat Biro Narkotik adalah kecil dan tidak mempunyai pakar-pakar yang boleh menjalankan penyelidikan seperti ini. Walau bagaimanapun, pihak Universiti Sains Malaysia telah diarah menjalankan penyelidikan yang dimaksudkan itu semenjak tahun 1974 dan penyelidikan sedang dijalankan lagi pada masa ini. Oleh kerana penyelidikan masih belum selesai, keputusannya tidaklah dapat diketahui lagi.

Walaupun bagaimanapun, mengikut angka-angka yang dikumpul oleh Kementerian saya seramai 1,895 orang penagih dadah telah dirujuk kepada Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh Semenanjung Malaysia dari 1hb Oktober, 1975 hingga 30hb September, 1976 iaitu terdiri daripada 1,105 orang Melayu, 508 China, 263 India dan 19 orang dari lain-lain keturunan.

UNIVERSITI/MAKTAB INTEGRASI DI SARAWAK

9. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang mendirikan sebuah universiti atau maktab integrasi di Sarawak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk mendirikan sebuah universiti atau maktab integrasi yang bersendirian di Sarawak tetapi sebuah Kampus Cawangan bagi Universiti Pertanian akan dibina di Bintulu, Sarawak. Kampus Cawangan Sarawak ini akan mengambil penuntut-penuntut daripada berbilang kaum.

RANCANGAN TALIAIR BESUT

10. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa rancangan taliair Besut masih belum dapat digunakan mengikut sepatutnya sekarang ini. Dan di setengah-setengah kawasan makin tidak dapat ditanam padi. Kalau sedar apakah tindakan yang akan diambil bagi menyempurnakan taliair ini.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Sebenarnya, dalam tahun 1976 kira-kira 6,000 ekar daripada kawasan Rancangan Pengairan Besut telahpun dibekalkan air. Kerja-kerja kecil dan tambahan bagi menyiapkan rancangan ini sedang dijalankan dan dijangka seluruh kawasan tersebut akan dapat dibekalkan air dalam tahun 1977.

SISWAZAH PERUBATAN

11. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan oleh sebab sangat kekurangan bilangan pegawai-pegawai perubatan dan jururawat dalam perkhidmatan perubatan, apakah sebabnya langkah tiada diambil untuk mengambil warganegara kita berkelulusan dari Universiti-universiti Taiwan untuk berkhidmat daripada mengambil pegawai-pegawai perubatan dari Bangladesh dan adakah Kerajaan akan mengambil berkhidmat dengan segeranya Jururawat-jururawat yang berkelulusan dari seberang laut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, Siswazah-siswazah Perubatan yang memohon untuk memegang jawatan-jawatan di Kementerian Kesihatan boleh dibahagikan kepada 2 kumpulan:

- (i) Mereka yang berkelulusan dari Kolej-kolej yang termasuk di dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971 dan yang boleh diberi pendaftaran penuh setelah menjalani setahun perkhidmatan sebagai Doktor Pelatih;
- (ii) Mereka yang berkelulusan dari Kolej-kolej yang tidak termasuk di dalam Jadual Kedua.

Kementerian Kesihatan sememangnya mengambil siswazah-siswazah dari Kolej-kolej yang termasuk di dalam Jadual Kedua. Oleh kerana negara kita mengalami kekurangan doktor-doktor dalam beberapa tahun yang lepas, Kementerian juga telah mengambil siswazah-siswazah dari Kolej-kolej yang tidak terkandung dalam Jadual Kedua, setelah dinilai kelayakan-kelayakannya. Akan tetapi siswazah-siswazah ini dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selama 2 tahun dan jika perkhidmatan itu memuaskan, maka mereka bolehlah diberi pendaftaran penuh.

Setakat ini siswazah-siswazah dari Kolej-kolej yang tidak terkandung di dalam Jadual Kedua yang telah diambil untuk berkhidmat termasuk mereka dari beberapa Kolej di India, negara-negara Arab, Indonesia dan Taiwan. Sehingga ini, ada 85 orang doktor-doktor telah diambil dari Kolej-kolej yang tidak terkandung di dalam Jadual Kedua dan dari jumlah ini, seramai 55 orang adalah dari Universiti Taiwan.

Untuk menentukan samada sesuatu Kolej luar negeri itu boleh dimasukkan dalam Jadual Kedua atau tidak, Kerajaan Malaysia pernah menghantar sekumpulan yang terdiri dari Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan, wakil-wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga beberapa ahli dari Majlis Perubatan Malaysia untuk melawat Kolej itu dan menilaikan kelayakan-kelayakannya. Akan tetapi cara ini didapati melibatkan perbelanjaan yang banyak dan oleh itu Kerajaan telah memberhentikan amalan ini dengan membuat satu pindaan kepada Akta Perubatan 1971. Dengan pindaan tersebut, semua siswazah-siswazah dari Kolej-kolej yang tidak terkandung di

dalam Jadual Kedua akan diambil berkhidmat sebagai Doktor-doktor Pelatih di negara ini hanya setelah mereka menduduki serta lulus satu peperiksaan yang akan diselenggarakan oleh sebuah badan yang diluluskan oleh Menteri Kesihatan. Adalah dijangkakan bahawa pindaan ini akan dikuatkuasakan pada tahun hadapan.

Mengenai pengambilan Jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri, Kementerian Kesihatan telahpun membuat beberapa kenyataan di dalam Dewan yang mulia ini dan kenyataan yang terakhir telah diberi pada 11hb November, 1976 ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

PEMBATALAN RAPAT-RAPAT UMUM

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar pembatalan rapat-rapat umum adalah menyalahi perkara 10 dari Perlembagaan yang mana ianya menjamin kebebasan bertutur dan boleh mengadakan perhimpunan aman tanpa senjata. Jika benar, bilakah pembatalan itu akan ditarik balik.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, hak yang diberi oleh Perkara 10 (1) Perlembagaan Malaysia boleh dikecuali atau disekat oleh undang-undang jika didapati perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam. Bagi maksud ini Akta Polis 27 (2) memperuntukkan bahawa perkumpulan, mesyuarat, perarakan yang ingin diadakan di mana-mana tempat awam adalah dikehendaki mendapat lesen kebenaran dari Polis. Polis tidak akan mengeluarkan lesen jika pada anggapan Polis perkumpulan, mesyuarat, perarakan yang akan diadakan itu akan menimbulkan mudarat kepada keamanan sungguhpun orang-orang yang berkumpul itu tidak memiliki apa-apa senjata.

ANASIR KOMINIS DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN

13. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam

usaha membersihkan anasir-anasir kominis dalam pentadbiran Kerajaan dan Badan Berkanun.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menjawab soalan pada 25hb Oktober, 1976 dan tidak ada apa saya hendak tambah lagi.

PERJANJIAN PERENGKAN (BORDER TREATY)

14. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang hendak menyemak semula Perjanjian Perenggan (Border Treaty) dengan Negara Thai (Thailand) khususnya berkenaan dengan hak memburu musuh cara "hot pursuit" oleh sebab sudah tertubuhnya Kerajaan baru di negeri Thai.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di atas permintaan Kerajaan Thai di bawah pimpinan Encik Seni Pramaj Kerajaan kita telah bersetuju untuk menyemak semula perjanjian kerjasama sempadan antara kedua-dua negara. Kita telah mengkaji draf perjanjian baru yang dikemukakan oleh pihak Thai dan telahpun membuat cadangan balas kepada mereka. Cadangan balas ini menyentuh semua aspek kerjasama di kawasan sempadan, termasuk soal memburu musuh. Kerajaan baru di bawah pimpinan Perdana Menteri yang baru belum lagi menyuarakan hal ini secara rasmi.

HUKUMAN BUNUH KEGIATAN KOMINIS BERSENJATA

15. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kesudahan orang-orang yang ditahan kerana kegiatan kominis bersenjata. Samada ianya akan terus ditahan dan membebaskan negara atau dibuang negeri atau dihukum bunuh.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam kes-kes yang terdapat bukti-bukti yang mencukupi, mereka yang terlibat akan didakwa di dalam mahkamah di bawah Seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, di mana hukuman bunuh adalah mutlak (mandatory) sekiranya didapati

bersalah. Di dalam kes-kes yang mana bukti-buktinya tidak mencukupi untuk pendakwaan di dalam mahkamah, tetapi dianggap memudaratkan keselamatan negara mereka akan dikenakan tahanan pencegahan di bawah Seksyen 8 Akta yang sama.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (13hb Disember, 1976).

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus sedang berucap dan saya telah benarkan supaya menyambung ucapannya pada hari ini, dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

2.58 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambung ucapan saya pada hari semalam, selain daripada apa yang saya perkatakan semalam, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat mengkaji, meneliti dan memikirkan supaya bot-bot yang dibawa kepada nelayan-nelayan yang ada sekarang ini supaya dapat ataupun membolehkan pembawa-pembawa bot itu memiliki bot-bot yang mereka itu bawa pada satu masa. Walaupun saya sedar apa yang sedang berlaku sekarang ini pihak pembawa bot itu bekerja dengan pihak MAJUIKAN, tetapi salah satu daripada segi untuk menolong pembawa bot itu patutlah pihak MAJU-IKAN sendiri memikirkan bagaimana caranya bot-bot itu dapat dimiliki oleh pembawa-pembawa itu di satu masa samada dengan memberi mereka itu membayar secara ansuran kepada pihak MAJUIKAN ataupun apa cara yang membolehkan mereka itu memiliki bot-bot itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya umumnya kaum nelayan itu masih mengamalkan kerja-kerja mereka secara tradisi dan sifat-sifat kehidupan mereka itu-pun juga masih belum banyak berubah. Oleh yang demikian, saya memikirkan sepatutnya pihak yang bertanggungjawab mengenai nelayan-nelayan itu khususnya MAJUIKAN sendiri membanyakkan kursus sivik ataupun penerangan-penerangan menaikkan semangat mereka itu bekerja bersungguh-sungguh supaya pihak nelayan-nelayan yang membawa bot-bot MAJU-IKAN itu bekerja bersungguh-sungguh dengan mengubah sikap mereka itu daripada sikap lama kepada sikap baru. Dan dengan itu, saya rasa lama-kelamaan ataupun sedikit demi sedikit dapat mengubah cara berfikir mereka itu pada keseluruhannya dan mereka bekerja bersungguh-sungguh dan dapat berjimat daripada pendapatan mereka.

Saya fikir Menteri yang berkenaan amat mengetahui keadaan kaum nelayan yang ada sekarang ini, yang kebanyakannya mereka itu memperolehi pendapatan \$300 atau kadang-kadang boleh dapat sampai \$400 sebulan, tetapi sudah menjadi tabiat kaum nelayan itu apabila mereka dapat banyak habis semua dibelanjakan dan dua-tiga bulan kemudian apabila pendapatan mereka \$50-\$80 sebulan. Jadi, itu sudah menjadi perkara biasa kepada kaum nelayan. Atas hal inilah saya berharap benar-benar kepada Menteri berkenaan khususnya MAJUIKAN supaya dapat memberi tunjukajar dan nasihat kepada mereka itu mudah-mudahan dapat mereka mengubah sikap dan fikiran mereka dari semasa ke semasa.

Mengenai Seksyen 4 Akta itu mengenai penubuhan perbadanan ataupun menggalakkan penubuhan ataupun perluasan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 itu, saya suka meminta jaminan daripada Menteri berkenaan supaya di dalam penubuhan syarikat ataupun mengadakan joint-venture dengan syarikat-syarikat daripada luar negeri, sudah tentulah bot-bot yang besar yang akan dibuat oleh MAJUIKAN dalam melaksanakan peruntukan itu. Apa yang saya ingin mendapat jaminan daripada Menteri berkenaan dalam masaalah ini supaya tidaklah dengan tertubuhnya syarikat-syarikat yang besar itu akan menekan syarikat-syarikat yang ada sekarang ataupun pengusaha-pengusaha bumiputra yang ada

sekarang ini. Jangan pula terjadi seperti Kerajaan menubuhkan L.P.N. maka syarikat-syarikat kerjasama yang ada di kampung-kampung itu kebanyakannya ditutup kerana berebut membeli padi dan cara peraturannya yang berubah dari sebulan ke sebulan. Jadi dengan tertubuhnya syarikat-syarikat joint venture itu tentulah bot-bot yang besar akan diadakan oleh pihak MAJU-**IKAN**, saya bimbang akibatnya secara tidak langsung tertindas pula pengusaha-pengusaha yang ada sekarang ini yang mempunyai bot 45-60 kuasa kuda dan sebagainya. Ini yang saya bimbangkan dan saya minta jaminan benar-benar daripada Menteri berkenaan supaya dengan penubuhan syarikat mengikut Akta ini tidak akan menjejaskan pengusaha-pengusaha yang ada sekarang ini, lebih-lebih lagi tidak akan membunuh syarikat-syarikat kecil yang telah ada atau pengusaha-pengusaha bumiputra. Ini yang saya perlu mendapat jaminan daripada Menteri berkenaan. Kalau hendak menubuhkan syarikat-syarikat ini boleh menyebabkan pengusaha-pengusaha bumiputra yang telah ada sekarang menjadi mati perniagaannya, mati usaha-usahanya, saya fikir lebih baik pihak Kerajaan tak usaha menubuhkan syarikat seperti itu walaupun kita masih memerlukan tangkapan ikan yang banyak.

Kita mengakui bahawa kita memang berkehendakkan kemajuan, kita berkehendakkan negara kita bertambah maju, tetapi tidak sepatutnya hingga membunuh syarikat-syarikat yang telah ada.

3.05 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan berbagai syor berkenaan dengan MAJU-**IKAN** ini.

Adapun jaminan yang dikehendaki itu yakni apabila MAJU-**IKAN** menubuhkan syarikat-syarikat ataupun anak-anak syarikat samada persendirian ataupun usahasama dengan pihak swasta yang lain, maka tujuannya bukan hendak menindas atau menjejaskan perusahaan tangkapan ikan dan nelayan-nelayan kecil dan pengusaha-pengusaha yang ada itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat memandang jauh iaitu selama ini tangkapan ikan di negara kita

terutama sekali oleh pihak dalam negara kita yang setakat berusaha sekeliling kawasan tepi pantai. Jadi, sudah sampailah masanya pihak MAJU-**IKAN** samada dengan berseendirian ataupun joint venture dengan pihak swasta luar negeri dan sebagainya menjalankan perusahaan tangkapan ikan tetapi jauh ke tengah laut.

Saya sudah mengarahkan pegawai-pegawai iaitu kita menerima baik joint venture daripada pihak swasta luar negeri dan sebagainya, hanya untuk menangkap ikan di lautan, bukan di kawasan tepi pantai. Di kawasan tepi pantai itu memang kita khaskan untuk nelayan-nelayan kecil.

Jadi, inilah sahaja ulasan saya dan jaminan saya kepada Dewan yang mulia ini bagi menggulung bahasan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Maju-**ikan** (Pindaan) ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.10 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperuntukkan pemberian-pemberian pertambahan hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan pertambahan hasil

persekutuan dengan tujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi maksud-maksud tertentu" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, punca-punca pendapatan Kerajaan Negeri seperti ditetapkan di dalam Perlembagaan adalah terdiri daripada pemberian-pemberian dari Kerajaan Persekutuan dan sumber-sumber hasil seperti berikut:

- (a) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant);
- (b) Pemberian Jalan Negeri (State Road Grant);
- (c) Hasil-hasil dari sumber-sumber yang tertentu seperti tanah, hutan, lesen-lesen yang tertentu, cukai hiburan dan lain-lain seperti tersebut dalam Jadual Kesepuluh di dalam Perlembagaan; dan
- (d) Penyerahan sebahagian daripada hasil dari duti eksport atas galian.

Bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan, bahkan Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Awam (Public Authorities) jua akan bersama-sama menanggung perbelanjaan pembangunan. Dari jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak \$18.6 ribu juta itu, peruntukan perbelanjaan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri ialah sebanyak \$1.4 ribu juta yang akan dibiayai dari sumber-sumber pendapatannya sendiri. Selain daripada perbelanjaan pembangunan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri jua akan mengalami pertambahan dalam perbelanjaan semasa (current expenditure) akibat daripada tambahan kakitangan-kakitangan dan perbelanjaan semasa lain yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek mereka. Selain daripada itu, ada juga masanya perbelanjaan semasa itu bertambah akibat keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan yang terpaksa diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri seperti perlaksanaan gaji, bayaran bonos dan sebagainya.

Kerajaan Persekutuan adalah bersimpati dengan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang meningkat dari setahun ke setahun ini. Sebaliknya adalah disedari bahawa pertambahan hasil dari sumber-sumber yang ada pada mereka sekarang mungkin tidak mencukupi untuk

menampung kenaikan perbelanjaan mereka itu, terutama sekali bagi Negeri-negeri yang tidak kaya. Ini ialah kerana jenis-jenis hasil yang ada pada mereka itu tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi tidak seperti cukai-cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan. Di samping itu pula, adalah diakui bahawa usaha-usaha pembangunan oleh Negeri-negeri adalah jua dengan secara tidak langsung membuat sumbangan kepada perkembangan hasil Kerajaan Persekutuan.

Dalam keadaan yang demikian, dan demi kepentingan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kerajaan Persekutuan berpendapat adalah wajar dan adil baginya membantu lagi Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha-usara pembangunan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tujuan inilah maka saya mengemukakan Rang Undang-undang ini yang akan memberi satu lagi sumber pendapatan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Sumber ini berupa satu pemberian dari Kerajaan Persekutuan yang dinamakan Pemberian Pertumbuhan Hasil atau, dalam bahasa Inggerisnya, Revenue Growth Grant. Pemberian ini akan diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri jika sekiranya kadar pertumbuhan hasil Kerajaan Persekutuan dalam satu-satu tahun melebihi sepuluh peratus (10%) setelah akaun bagi tahun itu diodit. Bagi mengira kadar pertumbuhan hasil ini, hasil-hasil dari duti eksport timah dan pengangkutan jalan adalah ditolak daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan. Ini ialah kerana sebahagian daripada duti eksport timah adalah diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan hasil dari pengangkutan jalan pula adalah dinikmati oleh Negeri-negeri dalam bentuk Pemberian Jalan Negeri. Jumlah hasil yang lebih ini untuk diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebagai Pemberian Pertumbuhan Hasil adalah terhad kepada \$50 juta dalam satu-satu tahun pada maksimumnya. Had maksima ini boleh dikaji semula dan diubah oleh Menteri Kewangan. Pemberian ini akan dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut satu formula yang tertentu seperti terkandung di dalam Rang Undang-undang ini.

Berdasarkan kepada bayaran had maksima \$50 juta itu, pembahagian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut perkiraan secara kasar adalah lebih kurang seperti berikut:

Negeri	Jumlah \$ juta
Johor	4.6
Kedah	4.3
Kelantan	3.9
Melaka	3.2
Negeri Sembilan	3.5
Pahang	3.6
Pulau Pinang	4.0
Perak	4.8
Perlis	2.3
Selangor	4.3
Trengganu	3.2
Sabah	3.8
Sarawak	4.3

Pemberian Pertumbuhan Hasil ini hanya boleh digunakan oleh Negeri-negeri bagi melaksanakan projek-projek pembangunan seperti bekalan air, perumahan awam, pembangunan kawasan perindustrian dan lain-lain projek pembangunan yang akan ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara dari masa ke semasa.

Adalah dicadangkan bahawa Undang-undang ini berjalan kuatkuasanya mulai 1hb Januari, 1975 supaya Pemberian ini boleh dibuat pada awal tahun hadapan.

Sungguhpun Negeri-negeri akan mendapat satu sumber pendapatan lagi, tetapi sukalah saya menegaskan di sini bahawa adalah penting bagi Kerajaan-kerajaan Negeri berusaha dengan sedaya upaya untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka dengan cara meningkatkan usaha-usaha mereka dalam pengutipan hasil dan mengawal perbelanjaan serta mengelakkan membuat sebarang perbelanjaan yang membazir. Dengan menjalankan usaha-usaha secara ini bersama dengan adanya satu sumber pendapatan baru ini, adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat melaksanakan projek-projek mereka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini demi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.18 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi. Di samping memberi segala sokongan saya berpendapat sepatutnya Bil ini patutlah mempunyai satu fasal perkecualian, sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Clause 6, di sini ada ternyata bahawa pemberian di bawah Bil ini jika menjadi undang-undang kelak akan digunakan semata-mata untuk beberapa perkara sahaja iaitu:

- (a) perbekalan air;
- (b) perumahan awam;
- (c) kemajuan tanah perusahaan; dan
- (d) apa-apa projek pembangunan lain sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Kewangan Negara yang ditubuhkan di bawah Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan.

Kemudian mengikut Clause 3, wang ini akan disimpan oleh Kerajaan Persekutuan jika sekiranya ia kurang daripada \$5 juta. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut pengertian di sini jikalau kurang \$10 daripada \$5 juta wang itu akan disimpan oleh Kerajaan Persekutuan dan jikalau lebih \$10 pun dia akan diberi kepada Kerajaan Negeri. Jadi, apalah bedzanya di antara \$10 kurang ataupun \$10 lebih.

Saya berpendapat kurang bijak jikalau wang ini kurang daripada \$5 juta itu disimpan oleh Kerajaan Persekutuan, dengan sebab sekarang ini masih banyak negeri-negeri di Pantai Timur yang masih berkehendak bekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah dan sebagainya. Jikalau wang ini disimpan oleh Kerajaan Persekutuan bermakna negeri-negeri yang patut mendapat faedah ini tidak akan mendapat faedahnya dan saya rasa kalau kurang \$10 daripada \$5 juta kalau diberikan di antara beberapa buah negeri, maka mereka ini akan mendapat hampir \$½ juta seorang, jadi ini akan memberi faedah yang besar kepada negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan yang patut diberikan oleh Kerajaan ialah pemberian ini akan berdasarkan kepada bilangan penduduk mengikut banci akhir yang dijalankan sebelum tahun kewangan. Jadi, tengka daripada satu kali banci dengan banci yang akan datang itu agak lama. Bagaimana pula dengan negeri-negeri yang pertambahan penduduknya sangat pesat, misalnya, negeri yang ada rancangan-rancangan tanah seperti Pahang, Trengganu, Johor. Negeri ini bertambah penduduk hampir tiap-tiap bulan dan banci tidak dijalankan, sedangkan kita ketahui penduduknya bertambah dan penduduk yang bertambah dari semasa ke semasa yang berkehendakkan juga kemajuan-kemajuan yang diberi oleh negeri. Kalau dalam rancangan tanah segala peruntukan-peruntukan itu akan diberi oleh FELDA kalau di bawah rancangan FELDA, tetapi bagaimana kemajuan "incidental" di bawah Fasal 6 (d) itu iaitu selain dari perbekalan air, perumahan awam dan kemajuan tanah perusahaan. Jadi tentulah negeri-negeri ini berasa sukar kerana wang yang patut mereka perolehi tiada dapat diperolehi kerana mengikut banci (census) penduduknya sekian, sedangkan penduduk sebenarnya lebih daripada banci yang akhir kita ketahui. Jadi kalau misalnya ada suatu fasal yang memberi pengecualian oleh Menteri, maka saya percaya undang-undang ini dapat dijalankan dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana ini menumpukan satu langkah yang baru, satu innovation yang berpandangan jauh dan tentu sekali akan disambut baik oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri dalam negara kita ini.

3.2f ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebentar tadi berkaitan dengan pemberian-pemberian pertambahan hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya rasa ini satu langkah yang patut dialu-alukan oleh kita dan saya rasa Kerajaan-kerajaan Negeri amat gembira sekali dengan sumber kewangan yang diperolehi oleh mereka hasil daripada Rang Undang-undang yang dibincangkan di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut berkaitan dengan Fasal 4 iaitu pemberian ini mengikut kiraan rakyat ataupun kiraan penduduk di mana dua bahagian bagi seorang bagi lima ratus ribu orang yang pertama. Kalau dipandang dari satu segi memanglah baik dan wajar dikira mengikut kepala atau mengikut ramai penduduk di negeri-negeri itu, tetapi jika dipandang dari satu segi yang lain, negeri-negeri yang penduduknya tidak ramai pun mahu maju cepat dan mahu dapat wang banyak, kerana bila dapat wang banyak negeri itu akan bertambah maju dan penduduknya akan bertambah. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, amatlah baik kalau dapat dihitungkan mengikut kiraan negeri daripada kiraan kepala penduduk, sebab tujuannya sama iaitu semua negeri akan maju dengan sebab negeri-negeri yang banyak penduduknya sudah tentu mendapat hasil yang banyak selain daripada peruntukan yang diberi mengikut Akta ini. Itulah pandangan saya, dan saya rasa Yang Berhormat Mulia Menteri dapat mengkaji dalam hal ini.

Yang kedua iaitu berkenaan dengan perkara-perkara yang boleh dibelanjakan oleh negeri-negeri hasil daripada peruntukan pemberian-pemberian pertambahan mengikut Akta ini iaitu perbekalan air, peruntukan awam dan kemajuan tanah, dan apa-apa projek mengikut yang ditetapkan dari satu masa kesatu masa oleh Majlis Kewangan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyatakan bahawa menentukan perkara-perkara yang harus dijalankan oleh negeri-negeri kadang-kadang menjadi sukit bagi negeri-negeri untuk dilaksanakan misalnya dari segi kemajuan tanah perusahaan. Jadi ini sebenarnya mungkin motif yang disebut begini kerana tujuannya untuk memajukan perusahaan di negeri-negeri. Walaupun itu baik tetapi bukalah sebab-sebab negeri itu tidak maju di bidang perusahaan dengan sebab hanya kerana tanah perusahaan sahaja. Yang sebenarnya ialah disebabkan infrastrukturnya tidak mencukupi, jalannya jauh, letriknya tidak cukup dan jauh daripada pelabuhan-pelabuhan. Ini apa yang saya ketahui. Jadi menentukan perkara-perkara yang harus dijalankan oleh negeri ini mungkin mendatangkan kesulitan kepada negeri-negeri untuk menjalankan pembangunan di bawah peruntukan wang ini. Mungkin ada jawapan yang boleh diterima iaitu dalam Fasal 6, Ceraian (d)—"Apa-apa

projek pembangunan lain sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Kewangan Negara.”

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dan saya khuatir bahawa Majlis Kewangan Negara akan mengenakan peraturan-peraturan yang ketat bagi negeri-negeri menjalankan rancangan-rancangan pembangunannya mengikut peruntukan ini. Ini perlu diperhatikan supaya keadaan-keadaan seperti itu tidak akan dikenakan kepada negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ingin saya menyuarakan bahawa negeri-negeri harus menyeliakan wangnya dengan lebih sempurna kerana saya dapat tahu pada masa yang lalu penyeliaan kepada pengurusan kewangan negeri-negeri adalah kurang memuaskan, pihak Juru Odit harus memainkan peranannya supaya negeri-negeri apakala menggunakan wang yang diperuntukkan harus benar-benar untuk pembangunan dan mendapatkan kejayaan. Jangan mengikut kiraan asalkan ada projek, ada peruntukan dan benda itu habis begitu sahaja dengan tidak mencapai kejayaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Juru Odit harus memainkan peranannya, pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri harus memainkan peranannya juga dalam menyeliakan wang negeri, kerana saya dapat tahu ada negeri-negeri yang kaya pada masa yang lalu, sekarang telah miskin dengan sebab terlampau banyak rancangan-rancangan yang gagal dan tidak mendatangkan hasil sebagaimana yang dikehendaki oleh pembuat rancangan itu sendiri. Jadi ini harus diambil perhatian oleh pihak Kerajaan, oleh pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri dan juga pihak Juru Odit yang berkenaan dengan hal kewangan ini. Sebab peruntukan yang kita beri biarlah mendapat kejayaan yang benar-benar cemerlang demi kepentingan rakyat yang mengharapkan kepada kita.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap, elok juga saya mengingatkan bahawa panggilan “Pengerusi” dan “Yang di-Pertua” itu ada berbeza dan membawa

erti yang berlainan. Apabila Dewan ini bersidang sebagai Majlis Mesyuarat, siapa yang menduduki kerusi di sini digelar “Tuan Yang di-Pertua” dan tiap-tiap satu rang undang-undang itu mesti diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat, dan sesuatu undang-undang yang diluluskan dalam Jawatankuasa mesti dibawa semula di dalam Majlis Mesyuarat baharu boleh lulus sesuatu usul ataupun sesuatu rang undang-undang itu. Jadi, ada bezanya. Apabila di dalam Jawatankuasa digelar “Pengerusi” dan cokmar itu duduknya di bawah. Apabila cokmar duduk di atas itu bermakna Dewan ini bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

Sekarang Cokmar itu di atas dan kita dalam Majlis Mesyuarat, dan bila di dalam Jawatankuasa cokmar itu diletakkan di bawah dan digelar “Pengerusi” walaupun dia duduk di sini. Jadi, ini bagi ingatan sahaja.

Sekarang perbahasan disambung semula.

3.31 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita, khasnya Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengemukakan suatu akta yang baharu yang dinamakan Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1976 dengan tujuan yang baik untuk hendak menolong Kerajaan Negeri melancarkan projek pembangunan di tiap-tiap negeri supaya selaras dengan kehendak Kerajaan Pusat kita dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian dua tiga perkara. Pertamanya sekali tujuan Bil ini akan diberi setelah Kerajaan Pusat menerima lebih daripada 10% hasil dan akan diberi tahun yang akan datang. Jadi, untuk melaksanakan, di dalam Akta ini dibawa kebelakang hingga tahun 1975 supaya dapat faedah ini dinikmati oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 1976. Tetapi dalam muka surat 3 iaitu Fasal 6 pemberian di sini ada menyebutkan pada tiga perkara yang penting: pembekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahan dan apa-apa projek pembangunan yang ditetapkan dari satu masa ke satu masa oleh Majlis Kewangan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini inginlah saya hendak mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana

banyak negeri-negeri di dalam seluruh Malaysia ini ada menjalankan secara usaha bersama dengan swasta-swasta daripada luar negeri dan sebagainya. Adakah peruntukan pembekalan air dan pembangunan di dalam projek usaha bersama ini termasuk juga di dalam Fasal 6 ini. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana ini penting, sebab sesebuah Kerajaan Negeri itu telah mendapat pinjaman daripada Kerajaan Pusat di dalam pembangunan kepada sesuatu projek yang tertentu secara joint venture, adakah Akta ini ditujukan kepada pembekalan awam ataupun untuk faedah orang kampung di luar bandar dan pembangunan negeri itu sendiri yang tidak ada kaitannya dengan projek-projek yang berjalan dengan usaha bersama Kerajaan Negeri itu.

Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, tentulah sebagai untuk hendak mendapatkan kemudahan ini daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri hendaklah membuat persediaan untuk mengemukakan rancangan-rancangannya bagi tahun-tahun yang akan datang. Di sini saya terkenanglah, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca Lapuran Ekonomi Kerajaan Pusat dahulu iaitu apabila hendak membahagikan peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kita dapati ada di antara Kerajaan-kerajaan Negeri tidak mengemukakan rancangan-rancangan mereka kepada Kerajaan Pusat, dan ini akan menyebabkan kelemahan itu terjadi kepada Kerajaan Negeri sendiri. Jadi, dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam mana Kerajaan Pusat kita hendak berusaha menolong Kerajaan Negeri kita mintalah pula kepada Kerajaan Negeri kita ini menjalankan usaha-usaha mereka menghantarkan segala bidang kertas kerja, segala bantuan yang dikehendaki itu lebih awal lagi supaya tidak menyulitkan pembangunan dalam negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan di sini meminta kepada Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Kewangan apabila hendak memberikan pemberian ini hendaklah mengadakan satu formula seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi supaya formula itu sungguh-sungguh menunjukkan kejujuran tidak ada belah bahagi dan sebagainya supaya hasrat Akta ini tidak terkeluar daripada dasar dan tidak dituduh nanti ada pula negeri yang dianaktirikan, ada pula negeri ini jadi anak emas

dan sebagainya. Jadi, saya mintalah keadilan waktu melaksanakan kelak daripada Kerajaan Pusat terhadap bantuan-bantuan yang hendak diberi kepada Kerajaan Negeri ini. Saya juga minta cara-cara pembahagian ini hendaklah secara specific janganlah cara samar-samar supaya tidak ada kelengahan berlaku di antara perutusan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat terutama sekali masaalah mentakrifkan sesuatu kehendak, jangan Kerajaan Negeri itu memahami sesuatu perkara, pegawai-pegawai Kerajaan Pusat pula memahami satu perkara, jadi file itu berangkat berbulan-bulan tidak mendapat ketentuan dan ini akan menyebabkan nanti melengahkan projek-projek yang akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Jadi kita sama-sama kita bergaduh antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat dalam masaalah bantuan kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan Pusat hendak melaksanakan ini saya berharap setengah-setengah Kerajaan Negeri itu akan pula menerima segala rancangan ataupun cadangan-cadangan daripada pemerintah ataupun daripada Kerajaan Pusat sendiri. Kita dapati separuh negeri-negeri itu menimbulkan satu masaalah tidak hendakkan pegawai-pegawai berkhidmat di dalam negerinya selain daripada anak negeri itu sendiri. Ada bantuan hendak datang daripada Kerajaan Pusat hantar pegawai pun dia tidak mahu menerima. Jadi, saya berharaplah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkaitan sekiranya ada tolonglah ubah sikap itu supaya janganlah masaalah ke-negerian hendakkan anak-anak negeri itu sendiri sahaja berkhidmat di dalam negeri itu sehingga menghalang pembangunan di kawasan itu dan menyusahkan orang ramai.

3.38 p/g.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1976 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi. Tujuan diberi Pemberian Pertambahan Hasil kepada Negeri-negeri ini bolehlah kita fahamkan kerana hendak memesatkan lagi pembangunan di negeri-negeri yang dimaksudkan itu.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menarik perhatian pada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

tentang rungutan rakyat di luar bandar iaitu rungutan mengenai projek-projek pembangunan yang tidak seimbang. Maksud saya selama ini pembangunan yang dibuat ini boleh dikatakan ditumpukan kepada dua tiga tempat sahaja. Sebagai contoh Negeri Selangor, di Negeri Selangorlah dibuat Universiti Malaya, di Negeri Selangorlah dibuat Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian, Universiti Teknologi dan banyak lagi dan Universiti Kebangsaan akan dibuat di Negeri Selangor juga. Ini dinamakan pembangunan yang tidak seimbang, yang tidak merata dan tidak menyeluruh ke pelusuk negara ini. Jadi, Negeri Selangor mendapat berbagai-bagai kemudahan, jalanraya, begitu cantik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di sini bukan kerana iri hati tetapi kemajuan yang kita dapati hasil daripada mencapai kemerdekaan, maka patutlah kita bahagi-bahagikan supaya kemajuan itu menyeluruh dapat dinikmati oleh semua rakyat di serata negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya suka menyentuh Fasal 4 (a) dan (b) iaitu tentang cadangan hendak memberi lebihan hasil negeri mengikut ramai orang dan akan diberi sama rata kepada negeri-negeri. Saya kurang bersetuju dengan pendapat ini. Sekiranya boleh, saya suka mencadangkan supaya peruntukan ini bukanlah diberi atas dasar sama rata dan jumlah ramai rakyat tetapi atas dasar dan kehendak sesebuah negeri yang kurang maju untuk membangunkan infrastrukturnya.

Dua hari yang lepas, saya terbaca dalam sebuah akhbar mingguan dalam ruangan "Mimbar Pembaca" mengenai rungutan rakyat di dua kawasan Parlimen. Kata mereka sebelum pilihanraya, calunnya berjalan di merata-rata tempat, janjikan bekalan air, bekalan elektrik, jalanraya dan sebagainya. Mereka mengatakan: sudah lima kali kami mengundi di dalam pilihanraya tetapi jalannya tidak ada juga, bekalan airnya tidak ada juga, listriknya pun tidak nampak. Jadi masih ada hingga sekarang rakyat yang berkehendakkan infrastruktur, berkehendakkan jalan, berkehendakkan bekalan elektrik dan air. Oleh yang demikian, saya cadangkan kepada negeri-negeri yang kita anggap kurang maju seperti yang telah kita senaraikan negeri-negeri yang kurang maju itu, kita gandakan kadarnya. Kalau negeri yang

maju dapat dua, maka negeri yang kurang maju dapat empat. Saya berharap sangat-sangat kepada Menteri yang berkenaan dan sekali lagi saya menyokong penuh Akta ini.

3.43 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Pemberian Tambahan Hasil yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pakar-pakar dalam Kementerian yang telah sedar betapa mustahaknya Rang Undang-undang ini dan dengan adanya dibentangkan Rang Undang-undang dan disahkan dalam Parlimen pada hari ini maka bermaknalah wujudnya kejujuran Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam dasar ucapannya yang akan membantu kepada negeri-negeri yang kurang maju dan akan memajukan segala perusahaan dan kelemahan-kelemahan di mana-mana sahaja di dalam pembangunan dasar dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya adalah berlainan bahawa Rang Undang-undang ini sungguh adil di dalam perlaksanaannya dan susunannya dan cara pemberian kemudahan-kemudahan menambahkan peruntukan kepada peruntukan asal kepada negeri-negeri yang ada di seluruh negara dan ini bermaknalah negeri-negeri itu akan mendapat peluang yang selesa, dapat menjalankan segala perkara, mengatasi segala masalah-masalah yang tidak dapat diatasi pada masa yang sudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ada tiga perkara, iaitu pertamanya pemberian ini adalah merupakan kali yang pertama dan saya harap peruntukan sebanyak \$5 juta itu tidaklah setakat tinggal pada perangkaan begitu sahaja pada tiap-tiap tahun. Saya harap ini akan sentiasa dapat ditimbang dan dikaji semula pendapatan hasil negara dan angka ini mudah-mudahan boleh bertambah dari satu masa ke satu masa dan pemberian tambahan hasil ini kepada negeri-negeri juga akan dapat bertambah. Perkara yang kedua, sungguhpun ada pemberian bantuan begini rupa, jika ada sebuah negeri, umpamanya Selangor hendak membuat satu

projek yang viable yang berkehendakkan diselenggarakan dengan begitu segera dan cepat dan boleh mendatangkan faedah dan berguna kepada rakyat, inipun saya harap akan mendapat pertimbangan daripada Kementerian Kewangan dan Kerajaan khususnya supaya dapat menjadikan kegiatan itu berjalan dengan licin dan baik.

Perkara yang ketiga, saya mengharapkan bahawa Fasal 6 Rang Undang-undang ini mengenai specific minor projects yang diharapkan bantuan ini dijalankan, saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat campur tangan dalam memberi kata nasihat kepada negeri-negeri supaya perlaksanaannya benar-benar adil dan dapat dijalankan mengikut kehendak-kehendak yang sepatutnya, umpamanya seperti Bahagian Perumahan, biarlah benar-benar orang yang tidak berumah, yang miskin dan berpendapatan rendah yang mendapat rumah dan janganlah dijadikan sebagaimana keadaan sekarang, ada pula yang menjalankan racket untuk mendapatkan rumah itu dan dijual semula kepada orang yang tidak ada rumah, menjadikan tekanan kepada mereka. Pengawasan ini, saya rasa perlu kerana bantuan ini datangnya daripada Perbendaharaan dan saya percaya dengan campur tangan dan jasa baik Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pelaksanaan perkara-perkara ini maka ianya akan dapat dijalankan dengan bijaksana dan adil dan dapat memberikan puas hati kepada semua golongan rakyat.

3.49 p/g.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pandangan-pandangan yang baik apabila menyokong Rang Undang-undang yang baru sahaja dibentangkan tadi oleh saya sebentar tadi.

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebentar tadi bahawa formula yang telah ditentukan apabila Rang Undang-undang ini digubal adalah hasil daripada perundingan di antara pegawai-pegawai kewangan di peringkat Negeri dan juga di peringkat Perbendaharaan sebelum dikemukakan untuk dipertimbangkan oleh Majlis Kewangan Negara.

Dan formula yang telah ditetapkan itu adalah satu formula yang dianggap memberi saksama dan adil oleh kerana bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai bilangan penduduk yang ramai, maka sudah tentu dengan formula sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 4 (a) dan (b) menunjukkan bahawa negeri-negeri itu akan mendapat peruntukan yang berlebihan sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri yang mempunyai penduduk yang sebegitu ramai. Maka ini adalah suatu weightage terhadap negeri-negeri yang tidak mempunyai penduduk-penduduk yang ramai. Dengan pembahagian secara ini dan berdasar kepada formula ini maka adalah satu pembahagian yang adil dapat diadakan bagi seluruh 13 buah negeri yang ada di Persekutuan ini. Dan kalaulah didakwa bahawa kalau kurang daripada \$5 juta itu dibahagi kepada 13 negeri dan tidak patutlah disimpan oleh Kerajaan Persekutuan, maka saya fikir \$5 juta hendak dibahagi di antara 13 negeri amatlah sedikit hendak dibahagi-bahagikan. Eloklah Kerajaan Persekutuan menyimpan wang ini dan mengumpulkan sehingga jumlahnya telahpun berpatutan untuk dibahagi-bahagikan bagi menampung keperluan negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bantuan ini merupakan bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri terutama sekali Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak mempunyai keupayaan menjalankan rancangan-rancangan pembangunan dalam negeri itu sendiri oleh sebab hasil yang terdapat di dalam negeri-negeri yang berkenaan sangatlah terhad kerana puncanya pun tidak banyak. Oleh sebab itu ini merupakan bantuan tambahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri itu untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan projek-projek dalam negeri itu sendiri. Ini tidak bermakna Kerajaan-kerajaan Negeri itu tidak akan memperoleh projek-projek yang akan diberi oleh Kerajaan Pusat sebagaimana yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Telahpun terbukti bahawa Kerajaan Pusat akan menyalurkan beratus-ratus juta ringgit kepada tiap-tiap negeri pada tiap-tiap tahun untuk membolehkan negeri-negeri yang berkenaan membangunkan rancangan-rancangan pembangunan walaupun kita telah tetapkan di bawah Fasal 6, berapa projek-projek tertentu dalam mana wang ini boleh digunakan tetapi ini merupakan

bantuan tambahan untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri menjalankan rancangan-rancangannya di samping Kerajaan Pusat memberi bantuan-bantuan yang lain. Kalaulah Kerajaan Negeri terhad dengan bantuan kepada pembinaan atau mengadakan pembekalan air, perumahan awam misalnya, ini tidaklah bermakna Kerajaan Negeri tidak akan mendapat bantuan yang lain daripada Kerajaan Pusat untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas. Jadi bermaknalah ini hanya merupakan bantuan tambahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak mempunyai hasil yang cukup untuk menjalankan rancangan-rancangan yang tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 6.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan sebentar ini nyatalah bahawa dengan adanya pemberian tambahan hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ini akan melegakan Kerajaan-kerajaan Negeri itu dan apa juga hasil yang dikutip pada masa ini akan membolehkannya menjalankan rancangan-rancangan tambahan selain daripada bantuan yang diberikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja jawapan ringkas saya dalam menjelaskan pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda peruntukan-peruntukan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) yang dibuat kepada negeri-negeri pada tiap-tiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telahpun meluluskan Rang Undang-undang Pemberian Pertumbuhan Hasil, 1976 sebentar tadi yang bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam ucapan saya bila mengemukakan Rang Undang-undang itu, saya telah menghuraikan sebab-sebabnya Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri. Tujuan Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang yang saya kemukakan ini adalah satu cara lagi bagi Kerajaan Persekutuan untuk menolong Kerajaan-kerajaan Negeri.

Pada masa ini Negeri-negeri mendapat pemberian mengikut bilangan orang di bawah Perkara 109 dalam Perlembagaan. Pembayarannya adalah dibuat tiap-tiap tahun kepada Negeri-negeri berdasarkan kepada bilangan penduduk di dalam sebuah Negeri itu mengikut banci yang terakhir yang diadakan sebelum tahun kewangan semasa. Kadar-kadar pemberian itu tidak pernah disemak semenjak dikuatkuasakan. Setelah dikaji semula, adalah didapati bahawa kadar-kadar itu tidak sesuai lagi dalam keadaan sekarang dan perlulah disemak. Oleh itu adalah dicadangkan sekarang bahawa kadar-kadar itu diubah dengan tujuan bukan sahaja untuk menambahkan pemberian ini kepada Negeri-negeri, tetapi juga untuk memberi bantuan yang lebih kepada Negeri-negeri yang

miskin dan mempunyai penduduk yang kurang. Kadar-kadar sekarang adalah seperti berikut:

- (a) bagi 50,000 orang yang pertama mengikut kadar \$15 bagi tiap-tiap seorang;
- (b) bagi 200,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$10 bagi tiap-tiap seorang;
- (c) bagi yang selebihnya mengikut kadar \$4 bagi tiap-tiap seorang.

Kadar-kadar baru yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) bagi 100,000 orang yang pertama mengikut kadar \$20 bagi tiap-tiap seorang;
- (b) bagi 150,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$10 bagi tiap-tiap seorang;
- (c) bagi 250,000 orang yang berikutnya mengikut kadar \$6 bagi tiap-tiap seorang;
- (d) bagi yang selebihnya mengikut kadar \$3 bagi tiap-tiap seorang.

Dengan perubahan kadar-kadar ini Kerajaan Persekutuan akan menambah bayaran pemberian ini kepada negeri-negeri sebanyak \$10.8 juta setahun.

Adalah dicadangkan Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.00 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bukan sahaja setakat itu, tetapi bagi pihak rakyat negeri Perlis, saya mengucapkan tahniah dan syukur kepada Menteri yang berkenaan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini, izinkan saya berkata dengan terus terang bahawa negeri yang mendapat paling banyak sekali mengikut peratusnya ialah negeri Perlis, walaupun negerinya kecil tetapi dengan pindaan

undang-undang ini disebabkan \$100,000 tiap-tiap seorang mendapat \$20 bererti Perlis telah mendapat \$200 juta sebagaimana negeri-negeri yang lain. Tetapi pada bilangan yang berikutnya negeri Perlis tidak ada habuan, apatah lagi selepas daripada \$150,000 yang mana tiap-tiap seorang mendapat \$6 kadar hari ini atau \$3. Ini agak saya haruslah 30 tahun lagi akan meningkat hingga sampai ke takat ini. Ini bererti had yang pertama sebagaimana didapati oleh negeri-negeri yang lain maka dapat juga kepada negeri Perlis. Maka dengan ini saya yakin bahawa negeri Perlis mendapat peratus yang paling banyak sekali dengan perubahan Rang Undang-undang ini. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah, bukanlah untuk diri saya sahaja sebagai rakyat negeri Perlis tetapi juga kepada orang yang menggubal dan juga kepada yang membawa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini boleh jadi ada setengah orang yang tidak puas hati kerana diberi peruntukan yang seperti ini, tetapi saya berpendapat selagi kita tidak membuat Rang Undang-undang ini, kita tidak boleh hendak seimbangkan kemajuan. Saya contohkan seperti satu-satu bangunan ataupun jalanraya. Walaupun jalanraya dibuat dengan harga \$100,000 misalnya, bentuk bangunan itu sama, panjangnya sama dan perbelanjaannya sama, tidak berbeza dengan orang yang akan lalu 100,000 orang ataupun 20,000 orang. Bagi negeri Perlis yang saya misalkan walaupun negerinya kecil, ia terpaksa berbelanja pembangunan sebagaimana pembangunan yang lain. Walaupun negeri Perlis kecil, ia tidak boleh buat jalan ataupun bangunan yang kecil, ia terpaksa membuat bangunan sama seperti bangunan yang dibuat di Kuala Lumpur. Misalnya jalanraya, jambatan dan sebagainya, dihadkan jambatan yang boleh dilalui kereta, saya contohkan luasnya lapan kaki atau enam kaki. Walaupun negeri Perlis kecil, kena buat seperti itu, kalau tidak, kereta tidak boleh hendak lalu. Jadi, adalah tidak menasabah kalau ada orang berkata, negeri kecil, pembinaannya boleh dibuat kecil. Walaupun boleh, kerana perubahannya kecil, tetapi tidaklah sebagaimana saya katakan tadi. Kalau satu-satu bangunan kadarnya sama, seginya sama, kalau dibuat kurang daripada itu tidak diterima oleh jurutera dan sebagainya. Dengan sebab itu Rang Undang-undang ini amat menasabah

dan saya berasa syukur kepada Tuhan kerana dikemukakan Rang Undang-undang ini dan saya percaya dalam Rang Undang-undang ini mengikut kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dijalankan mulai dari 1hb Januari, 1976.

Saya fikir banyak negeri yang akan dapat bonos. Kalau dapat 1hb Januari, 1976. Pada masa yang lepas harus boleh dapat, kerana Rang Undang-undang ini kita kuatkuasakan mulai daripada 1hb Januari, 1976. Saya berharap apa yang tidak selesai di negeri Perlis, dengan adanya bonos yang akan didapati ini dapatlah diselesaikan segala rancangan yang terbengkalai. Kalau boleh segala peruntukan yang diberi oleh Rang Undang-undang ini tidaklah teruk sangat terutama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Perlis yang selalu mendapati Perbendaharaan Negeri tidak mencukupi wang. Izinkan saya berkata dengan terusterang. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Perlis masih di dalam cuti, tetapi oleh kerana Perlis tidak cukup wang, walaupun beliau bercuti tetapi terpaksa juga datang ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan peruntukan wang. Oleh itu saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya peruntukan wang ini diberi dengan seberapa segera yang boleh. Kadang-kadang wang itu tetap hendak diberi, tetapi lambat sampai. Bila lambat sampai, banyak kerja-kerja yang terbengkalai. Kata-lah hendak membuat pembangunan dan sebagainya. Kadang-kadang hendak membuat sesuatu pembangunan, jalan mesti ada standard dan mutunya. Kalau kita buat kemudian daripada hadnya, walaupun satu-satu peruntukan itu misalnya \$6,000 tetapi oleh sebab keadaan musim hujan dan sebagainya, tidak boleh hendak lalu ke tempat yang berkenaan, harus memakan belanja lebih daripada \$6,000. Tetapi kalau bersesuaian dengan masa perbelanjaan itu boleh jadi perbelanjaannya kurang daripada itu. Saya berharap peruntukan yang hendak diberi itu kalau boleh menepati masa dan lebih awal daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan peruntukan wang sebanyak \$20 seorang itu janganlah dikira daripada tolak gaji pekerja ataupun pegawai-pegawai yang ada di negeri Perlis. Misalnya, setakat hari ini gaji jurutera, pegawai pertanian dan kakitangan pejabat dibayar gajinya oleh Kerajaan Negeri Perlis. Saya berharap dengan peruntukan wang ini

janganlah ditolak gaji mereka itu. Biarlah peruntukan \$20 yang hendak diberi kepada tiap-tiap seorang itu untuk pembangunan ataupun perbelanjaan yang mencukupi untuk memajukan negeri-negeri yang kurang maju terutama negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan mendapat keuntungan khasnya negeri Perlis.

4.07 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengenai Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang tahun 1976 yang berjumlah sebanyak \$10.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas apa yang ditetapkan sebelum daripadanya berlainan daripada pindaan yang dibuat pada hari ini. Saya ulang semula apa yang disebut oleh Yang Berhormat Mulia tadi biasanya semenjak daripada beberapa tahun dahulu sehingga 1975 atas 50,000 penduduk kepada kadar \$15 seorang dan bagi 200,000 yang lebihnya bagi kadar \$10 seorang dan yang selebihnya pula hanya \$4 seorang. Di atas kadar yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri ini sudah berlainan daripada apa yang telah dijalankan tempohnya sehingga tahun 1975. Saya tertarik hati di atas ucapan sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang mewakili negeri Perlis yang berasa syukur sangat di atas pemberian oleh pihak Yang Berhormat Mulia Menteri kepada sebuah negeri di utara negara kita yang mengikut kadar ini mereka lebih banyak beruntung oleh kerana negeri itu kecil. Tetapi di negara kita ini ada 13 buah negeri dan daripada 13 buah negeri, kita dengar tadi negeri Perlis mendapat untung dan mungkin ada beberapa buah negeri lain seperti negeri Perlis akan berkata untung, tetapi bagaimana pula perasaan negeri-negeri yang besar. Misalnya negeri Kelantan, negeri Yang Berhormat Mulia Menteri sendiri, negeri Pahang, negeri saya, negeri Perak dan beberapa buah negeri lain. Berlainan dengan keadaan negeri Perlis sendiri, terutama mengenai luasnya negeri tersebut.

Yang kedua, berlainan ramai penduduk di negeri tersebut, dan yang ketiga oleh kerana luas, maka seberapa banyak wang yang telah diberi belum lagi meliputi projek-projek pembangunan di negeri-negeri tersebut, misalnya jalanraya. Kata Ahli Yang Berhormat itu jalanraya di negeri Perlis sudah mencukupi banyak dan keadaannya berlainan, misalnya negeri Pahang, Perak dan Kelantan sendiri banyak lagi kawasan-kawasan yang tidak dapat diliputi oleh jalan-jalanraya sepertimana yang dikehendaki oleh rakyat. Sungguhpun di dalam hal ini dikatakan adil, tetapi kalaulah terdapat pihak Yang Berhormat Mulia Menteri berfikir bagaimana satu keadilan yang baik di atas alasan-alasan yang saya sebutkan tadi bahawa negeri itu luas, ramai penduduknya oleh kerana negeri luas, banyak lagi kawasan-kawasan yang tidak dapat dijalankan pembangunan.

Sungguhpun ada dikatakan bahawa negeri-negeri ada hasil pendapatannya sendiri, dan di atas hasil pendapatannya sendiri pula berlainan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain. Ada negeri yang mendapat hasil seolah-olah sebahagian sahaja daripada negeri yang lain di dalam negaranya sendiri dan ada negeri lain pula yang mendapat hasil berganda-ganda pula daripada negeri-negeri di dalam Malaysia ini. Di dalam hal ini, saya percaya Yang Berhormat Mulia Menteri ingin hendak menjalankan satu cara yang adil daripada perubahan yang telah dibuat, sungguhpun ini sudah adil, tetapi saya berharap pada masa akan datang eloklah Yang Berhormat Mulia mengkaji selain daripada apa yang ditentukan mengikut keadaan bilangan rakyat, bilangan orang, kalau dapat dikaji pula apakah negeri itu luas atau kecil. Jika luas, apakah pembangunannya sudah banyak. Kalau kita kira peratus, negeri Perlis sudah mendapat pembangunannya dengan kadar keluasan negeri tersebut, katalah sudah ada sehingga 80%, dan bagi negeri Perak sendiri mungkin pembangunannya sudah ada, tetapi jika dikira peratus, mungkin baru sahaja mencapai 40% dan kalau Perak sudah ada 40% mungkin negeri-negeri lain yang besar pun seperti itu juga. Di dalam pembahagian ini hendaklah dikaji akan keluasan negeri-negeri tersebut untuk pembangunan dan di atas kewangan pendapatan bagi kemampuan negeri itu daripada pendapatan hasil negeri itu sendiri. Jika Yang Berhormat Mulia Menteri dapat mengkaji keseluruhan ini, mungkin formulanya tidak diikuti dengan

keramaian orangnya sahaja, mungkin Yang Berhormat Mulia akan menambah lagi peruntukan mengikut keluasan negeri, mengikut tidak kemampuan kewangan bagi negeri tersebut. Jika dapat bantuan-bantuan seperti mana yang saya katakan tadi, mungkin bukan sahaja negeri Perlis akan berkata berulang-ulang kali mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri, barangkali negeri-negeri lain sama sahaja memberi ucapan terima kasih, dan negeri-negeri yang lain akan maju sama sahaja tarafnya seperti negeri-negeri yang begitu baik mendapat peruntukan tersebut.

Dalam keadaan begini, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pantai Timur mungkin ada yang akan bercakap, jika tidak, saya suka juga mengambil peluang menyebutkan di sini, misalnya negeri-negeri di Pantai Timur itu besar tetapi penduduknya tidak ramai sepertimana negeri-negeri di Pantai Barat. Oleh sebab itu, patutlah dikaji oleh Yang Berhormat Mulia Menteri kepada negeri-negeri tersebut bagaimana keadaannya supaya mendapat seimbang dan kalau negeri Perlis sudah mendapat begitu baik, kita harap negeri Kelantan, Trengganu, Pahang misalnya, tiga buah negeri di Pantai Timur ini akan mendapat faedah-faedah yang sama juga, bukan sahaja mengikut bilangan orang tetapi mengikut keluasan negeri tersebut, mengikut kemampuan kewangan pendapatan daripada hasil negeri-negeri tersebut untuk pembangunan negeri-negeri bukan sahaja negeri-negeri kecil di dalam negara kita ini, bahkan seluruh negeri-negeri sebanyak 13 buah negeri di dalam Malaysia ini.

Saya tertarik hati di atas ucapan sahabat saya, Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengatakan hal negeri Perlis. Saya sedar keluasan sebuah daerah di dalam negeri Perak, daerah Larut dan Matang, sama luasnya lebih kurang dengan negeri Perlis dan penduduknya suku juta orang di daerah tersebut bagi kawasan Parlimen Larut, Taiping dan Matang. Kalau kita nampak sebuah daerah yang saya katakan dalam negeri Perak ini mungkin dengan sendirinya Tuan Yang di-Pertua akan terbayang bahawa negeri Perak mempunyai 9 buah daerah dan sudah ada sekurang-kurangnya 9 negeri Perlis di dalam negeri Perak ini sendiri. Oleh sebab keadaan ini berlainan sangat, saya percaya Yang Berhormat Mulia Menteri dapat pada masa akan datang, jika hendak meminda lagi Rang Undang-undang bagi

peruntukan-peruntukan mengikut bilangan orang ini supaya diselaraskan sepertimana yang saya katakan tadi mudah-mudahan pembangunan negara kita pada keseluruhan-nya dapat diselaraskan.

4.20 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang telahpun dengan penuh bijaksanannya meminda capitation grant sepertimana yang telah diberikan mengikut kadar-kadar yang dibentangkan di Dewan ini. Cuma saya berasa bimbang sedikit di atas kadar yang telah dinaikkan.

Pada pendapat saya, kenaikan itu agak kurang menggalakkan. Maksud saya, kalau kita kaji bahawa bilangan penduduk di Malaysia sekarang lebih sedikit daripada 11 juta, dan jumlah wang yang diperuntukkan yang akan terlibat di dalam rancangan ini adalah \$10.8 juta, bermakna kenaikannya telahpun diberi, cuma di antara 90c. ke \$1 sahaja seorang, tak lebih daripada \$1, mungkin 98c. atau 95c. Begitulah angka kenaikan yang telahpun dilaksanakan oleh Rang Undang-undang ini apabila diluluskan. Saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah asas, apakah formula yang telah digunakan bagi menentukan kadar-kadar ataupun angka kenaikan ini, adakah ia berdasarkan kepada kenaikan cost of living, (taraf hidup), ataupun apakah unsur-unsur atau asas-asas yang telah digunakan untuk memperhitungkan dan untuk menentukan angka yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Mungkin ada formulanya yang menasabah. saya percaya ada, tetapi suka saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas formula yang telah dipergunakan apabila menentukan angka-angka yang menjadi kadar bagi kenaikan di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya bukanlah hendak memperkecil-kecilkan usahanya, ikhtiar yang begini baik, tetapi saya benar-benar berfikir bahawa kenaikan ini tidak akan dapat menuju kepada objektif yang sebenar, melainkan kalau dapat angka-angka ini bertambah lagi samada ini boleh dibuat mengikut kemampuan negara kita, itu saya kurang faham, tetapi saya suka hendak merayu samada

Yang Berhormat Menteri Kewangan sudi menimbangkannya di masa-masa yang tertentu untuk menentukan kadar yang lebih menggalakkan yang benar-benar boleh mencapai hasrat negeri-negeri untuk menambahkan lagi pembangunan negeri-negeri yang berkenaan menerusi tambahan peruntukan yang diberi daripada Kerajaan Persekutuan.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak memberi pandangan sedikit—ini juga bukan hendak memperkecilkan negeri-negeri, tetapi oleh kerana bantuan yang berlebihan yang ditambah ini, mungkin agaknya tidak begitu besar maka saya berharap benar bahawa tambahan yang diberi ini biarlah digunakan untuk sebaik-baiknya. Bukanlah saya hendak membuat tuduhan apa-apa, tetapi sebagai memberi pendapat saya, jangan pula dengan bertambahnya bantuan daripada Kerajaan Persekutuan pada negeri-negeri ini, maka wang itu oleh kerana agaknya tidak begitu banyak, ianya digunakan untuk mengadakan rombongan-rombongan pergi melawat ke negeri-negeri atau negara-negara asing dan sebagainya. Sungguhpun lawatan-lawatan ini berguna dan ada faedahnya, tetapi saya harap benar-benar bahawa biarlah keutamaan atau priority projek-projek seperti itu janganlah diberi keutamaan sangat, tetapi diberi keutamaannya agak di bawah sedikit, jangan dinaikkan ke atas. Saya memberi pandangan ini kerana saya khuatir tambahan kewangan ini tidak begitu banyak maka mereka hendak membuat projek-projek yang besar pun wangnya tidak mencukupi, maka saya khuatir nanti dengan tambahan ini mereka akan menggunakan untuk projek-projek ataupun rancangan-rancangan sepertimana yang saya telah katakan. Tetapi saya yakin dan percaya negeri-negeri yang berkenaan akan menggunakan wang itu dengan penuh bijaksana serta berfaedah.

Sekali lagi sebagai penutupnya, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sekurang-kurangnya telahpun berusaha dan sedar di atas perlunya kadar-kadar ini diubahsuai dan ditambah. Saya percaya perkara ini memang ditunggu-tunggu oleh negeri-negeri yang berkenaan.

4.23 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Matang dan Sepang, kerana telah mengeluarkan hujah-hujah yang baik serta pandangan-pandangan untuk pertimbangan Kerajaan tentang pemberian capitation grant kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa jumlah wang sebanyak \$10.8 juta yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini merupakan tambahan kepada apa yang telahpun diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Misalnya, pada masa ini mereka mendapat \$63.7 juta dan di masa hadapan Kerajaan-kerajaan Negeri semuanya akan mendapat sebanyak \$74.5 juta. Jadi formula yang telah digunakan itu adalah bergantung kepada dua faktor.

Yang pertama, kemampuan Kerajaan Persekutuan memberi bantuan ini berdasarkan kepada bilangan penduduk di tiap-tiap Negeri.

Yang kedua, ialah supaya dapat diseimbangkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai penduduk yang ramai dengan Negeri-negeri yang kaya tetapi mempunyai penduduk yang begitu ramai. Jadi berdasarkan kepada itulah formula ini telah wujud dan dijadikan asas di dalam pembahagian capitation grant kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Matang, saya fikir perkara itu tidak dapatlah diterima oleh Kerajaan, sebab pada masa ini oleh kerana sebagaimana yang telah saya terangkan tadi semasa membentangkan Rang Undang-undang ini bahawa tambahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri menerusi capitation grant ini merupakan tambahan juga kepada apa yang telahpun dicadangkan oleh Kerajaan di bawah Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh saya sebentar tadi yang dinamakan Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil. Semuanya ini bererti Kerajaan-kerajaan Negeri akan mendapat bantuan lebihan bagi tahun-tahun yang akan datang. Apabila ekonomi negara kita berkembang maju dan bertumbuhnya hasil maka berdasarkan kepada formula yang digunakan sebagaimana yang ditentukan di bawah Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil maka

Kerajaan-kerajaan juga akan mendapat pemberian yang berlebihan dan samalah juga dengan bantuan tambahan diberi di bawah Rang Undang-undang yang dibincangkan pada masa ini, bermaknalah Kerajaan-kerajaan Negeri akan mendapat wang yang lebih banyak sedikit. Jadi itulah sahaja ulasan saya kepada pandangan-pandangan baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROFESSION UNDANG-UNDANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Profession Undang-undang, 1976 dibacakan bagi kali yang kedua serarang.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua, maklum pada Persidangan Parlimen Yang Keempat, Penggal Pertama dahulu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Profession Undang-undang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sungguhpun Rang Undang-undang ini telah mendapat persetujuan di Raja pada 6hb Mac, 1976 dan telah pula diwartakan

pada 11hb Mac, 1976 ianya masih belum berjalan kuatkuasanya. Ini disebabkan oleh beberapa teguran dan cadangan baik ke atas Akta itu yang masih lagi diterima bagi pihak peguam-peguam menerusi Bar Council baru-baru ini.

Memandangkan bahawa cadangan yang dibuat oleh pihak peguam-peguam itu akan mendatangkan faedah dan menambahkan kebaikan Akta Profession Undang-undang, 1976 ini perlulah tindakan memindanya diambil sebelum Akta itu berjalan kuatkuasanya. Tindakan ini, saya percaya akan mengelakkan beberapa masaalah dan kerumitan yang harus akan timbul sekiranya perjalanan kuatkuasa Akta itu diteruskan juga tanpa pindaan, kerana lambat-bangat pindaan ke atasnya perlu juga dibuat dalam Persidangan Parlimen yang akan datang. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan berlakunya masaalah dan kerumitan-kerumitan, saya telah bersetuju dan Kementerian Undang-undang telah membuat beberapa tindakan yang segera. Sebab-sebab Akta Profession Undang-undang, 1976 dipinda telah lebih dijelaskan dalam Huraian-huraian pada Rang Undang-undang ini dan tidaklah perlu bagi saya untuk menghuraikan satu persatu daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya Rang Undang-undang Profession Undang-undang (Pindaan), 1976 dibentangkan dan dibawa kepada semua peringkat di dalam persidangan ini juga.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.31 p'g.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Yang pertama sekali, apabila awal tahun ini Dewan yang mulia ini meluluskan Undang-undang Profesion Undang-undang, saya berasa amat gembira kerana dengan adanya Seksyen 84 maka monopoli yang telah diamalkan sehingga sekarang telah dipecahkan yakni tiap-tiap seorang peguam itu tidak boleh bertindak bagi pihak kedua belah iaitu pembeli dan penjual sebagaimana yang diamalkan sekarang. Dan ini ialah satu

perkara yang elok kerana monopoli ini telah dijalankan begitu giat sehingga satu-satu pejabat peguam itu mestilah mengadakan satu kekuatan barulah boleh mengambil bahagian atau mendapat peluang bertindak bagi pihak pemaju-pemaju perumahan. Bagi mereka yang kecil-kecil yang tidak terdaya melawan gergasi-gergasi ini maka mereka ini selalu ketinggalan. Tetapi dengan adanya peruntukan Seksyen 84 maka alhamdulillah monopoli ini telah dipecahkan kerana tiap-tiap seorang peguam itu cuma boleh bertindak bagi pihak pembeli atau pihak penjual. Tetapi malangnya, pada hari ini kita telah dibentangkan satu lagi pindaan Rang Undang-undang kepada undang-undang yang belum dikuatkuasakan lagi, di mana pindaan ini sekarang iaitu Fasal 9.

"9. Seksyen 84 Akta itu adalah dipinda dengan—

- (a) memasukkan titik-tindih selepas sahaja "itu" di hujung seksyen-kecil (1); dan
- (b) menambahkan yang berikut selepas sahaja kemudian daripada itu—

"Dengan syarat bahawa jika mana-mana perjanjian bertulis berkenaan dengan urusan itu tidak diperiksa dengan rapi oleh seorang peguambela dan peguamcara yang bertindak bagi pihak pembeli itu, maka peguambela dan peguamcara yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan itu hendaklah memperolehi suatu sijil yang ditandatangani oleh pembeli itu menunjukkan bahawa pembeli itu tidak bertujuan hendak menugas-seorang peguambela dan peguamcara untuk memeriksa dengan rapi bagi pihaknya akan perjanjian itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini sesuatu sijil adalah tidak sah melainkan jika ia ditandatangani oleh pembeli itu di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang bukan seorang peguambela dan peguamcara yang menjalankan amalan dalam perkongsian dengan, atau sebagai pekerja peguambela dan peguamcara yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan itu."

Dengan ringkas, Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada pindaan yang sedang dibentangkan ini akan bermaksud bahawa

seseorang peguam itu sekarang boleh bertindak bagi pihak pembeli dan pemaju perumahan yakin akan balik pula kepada amalan-amalan yang sedang dibuat sekarang iaitu menghidupkan semula monopoli, membiakkan semula gergasi-gergasi yang ada sekarang di tanahair kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi di atas kerumitan-kerumitan yang timbul. Saya ingin tahu dalam Dewan yang mulia ini apakah kerumitan-kerumitan yang timbul jika undang-undang yang telah diluluskan pada awal tahun ini dilaksanakan tanpa pindaan ini. Adakah kerumitan-kerumitan ini ataupun pengaduan-pengaduan ini datang daripada mereka yang sekarang bertindak bagi pihak-pihak pemaju-pemaju perumahan dan bank-bank dan sebagainya. Saya yakin dan percaya memang mereka inilah membuat bantahan kerana mereka inilah yang akan merasa hasil daripada undang-undang yang ada sekarang. Kerana sebagaimana yang kita tahu, Housing Developers Association sendiri telah membuat teguran bahawa undang-undang yang diadakan sekarang ini memberi kesusahan kepada pembeli-pembeli, kerana bayaran peguam telah melebihi daripada yang ada sekarang. Ini tidak akan timbul kalau tindakan yang sesuai dan keganjilan yang ada sekarang dihapuskan. Keganjilan yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah apa yang berlaku sekarang pemaju perumahan dapat memilih peguam yang sehabis baik dapat menentukan syarat-syarat yang dikehendaki dalam perjanjian-perjanjian pembelian perumahan. Tetapi apabila datang hendak membayar bayaran kepada peguam si pembeli terpaksa kena bayar bukan sahaja untuk peguam si pembeli tetapi juga bayaran kepada peguam pemaju perumahan. Inilah satu keganjilan. Untuk menghapuskan keganjilan ini dan mengelakkan kerumitan ini dan menghapuskan juga kesusahan kepada pembeli-pembeli rumah apa yang patut dibuat di dalam Undang-undang ini ialah mengharamkan syarat-syarat di dalam perjanjian yang mengatakan bahawa pembeli mesti membayar bayaran peguam untuk penjual. Ini akan menghapuskan sama sekali keganjilan dan kezaliman yang berlaku sekarang.

Selain daripada itu suasana yang tidak sihat juga akan hapus apabila syarat ini dimasukkan dalam undang-undang iaitu mengharamkan syarat-syarat di mana pembeli terpaksa membayar untuk pihak penjual. Saya kata perkara yang tidak sihat ialah kerana apa yang kita dapati sekarang peguam-peguam bumiputra cuma dapat keskes perumahan yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan-kerajaan Pusat dan sebagainya. Sebaliknya, perumahan-perumahan swasta memberi kerja-kerja ini kepada peguam-peguam yang bukan bumiputra. Ini ialah satu hakikat yang sedang diamalkan sekarang. Tetapi perkara ini dapat dielakkan jika undang-undang ini tidak dipinda, biarlah macam yang ada sekarang iaitu Seksyen 84. Kerana hasilnya ialah tidak banyak peguam akan bertindak bagi pihak pemaju perumahan kerana bayaran kepada peguam bertindak bagi pihak pemaju perumahan lebih sedikit daripada peguam yang bertindak bagi pihak pembeli.

Selain daripada itu bagi pihak peguam bumiputra cuma boleh mengharapkan projek-projek perumahan Kerajaan Negeri, badan-badan Kerajaan dan agensi-agensi dan sebagainya. Dan oleh sebab itu timbullah pula kategori peguam-peguam Melayu, kerana dia akan berdasarkan kepada pengaruh—kekuatan. Dan kategori-kategori yang mungkin timbul ialah Tengkuputra, Syedputra, UMNOputra, Excoputra. Baru bumiputra. Bila sampai kategori lima, tidak ada beza di antara bumiputra dengan Ramaputra ataupun Ah Chongputra dan sebagainya. Inilah hasil daripada pindaan yang akan kita buat sekarang.

Inilah hakikat yang sebenarnya. Apa yang berlaku sekarang inilah kelohan-kelohan peguam-peguam terutama, sekali Peguam-peguam Melayu yang tidak termasuk dalam kategori yang keempat iaitu Syedputra, Tengkuputra, UMNOputra, Excoputra, cuma bumiputra sahaja. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini bukan kerana hendak menegur kesilapan oleh jabatan yang berkenaan sungguhpun undang-undang ini telah diluluskan yang mengandungi lebih kurang 150 seksyen dipinda pada hari ini sungguhpun undang-undang ini belum dikuatkuasakan lagi, tetapi tujuan saya ialah supaya keganjilan-keganjilan, kepincangan-kepincangan yang ada sekarang tidak berlaku.

Misalnya, projek perumahan Bukit Mertajam, pembeli Bukit Mertajam duduk di Bukit Mertajam, peguam juga ada di Bukit Mertajam, tetapi dengan adanya undang-undang yang akan dipinda sekarang, pembeli ini terpaksa pergi mencari peguam yang ditentukan oleh pemaju-pemaju perumahan yang lazimnya ialah di Pulau Pinang, inilah keganjilan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil perhatian ini dan jangan terasa sikap panic apabila ada teguran-teguran daripada gergasi-gergasi ini yang saya sebutkan tadi walaupun teguran ini datang dari Majlis Peguam sendiri mestilah mendapat perhatian terhadap Peguam-peguam kecil yang beramal di luar-luar bandar bukan di Ibu-ibu Kota, mungkin pendapat mereka ini lebih berhasil dan lebih berbakti lagi kepada masyarakat daripada gergasi-gergasi yang saya sebutkan tadi.

4.42 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang mengemukakan Rang Undang-undang ini, beliau telah menyatakan bahawa undang-undang pokok iaitu Akta Profession Undang-undang 1976 belum lagi dikuatkuasakan. Dan pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah hendak meminda suatu Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan ini suatu masa yang belum lagi dikuatkuasakan. Maka ini adalah suatu keadaan yang menimbulkan prinsip yang penting iaitu samada prektis ini sihat atau tidak yakni suatu undang-undang yang belum lagi dikuatkuasakan, Dewan ini diminta untuk membuat beberapa pindaan di atasnya.

Mungkin keadaan ini telah berlaku oleh kerana Akta Profession Undang-undang 1976 itu telah dibawa ke Dewan ini tanpa memberi peluang perdebatan yang cukup. Pendek kata, Rang Undang-undang itu mungkin telah dibawa ke Dewan ini dengan secara tergesa-gesa tanpa memberi kumpulan-kumpulan yang tertentu membuat hujah-hujah, membuat memorandanya sebelum Rang Undang-undang Profesion Undang-undang 1976 itu dikemukakan kepada Dewan ini. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa keadaan seperti ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Saya sungguh-sungguh berharap bahawa pihak Kerajaan sebelum membawa undang-undang ke Dewan yang mulia ini hendaklah terlebih dahulu membincangkan issue ataupun masaalah yang timbul itu dengan semasak-masaknya, memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pihak-pihak yang interested, kepada pihak yang cenderung kepada masaalah dan issue itu untuk memberi pandangan-pandangan dan hujah-hujah mereka, dan setelah semua pihak diberikan peluang untuk membuat pendapat-pendapat, maka baharulah undang-undang itu digubal dan Rang Undang-undang itu dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Bukan sebaliknya, yakni kita tidak mahu keadaan yang mana Rang Undang-undang dibuat secara tergesa-gesa di Jabatan Peguam Negara dan tidak diberi peluang yang cukup kepada pihak yang berkenaan memberi pandangan. Kemudian dibawa Rang Undang-undang di sini dan kita di sini terpaksa meluluskan sahaja, kemudian setelah diluluskan maka timbullah pandangan-pandangan daripada berbagai-bagai pihak yang mirip ataupun mungkin terjejas dengan peruntukan-peruntukan yang tertentu maka mereka pun membuatlah bantahan-bantahan, hujah-hujah dan pandangan-pandangan. Dan sebelum undang-undang yang diluluskan itu dikuatkuasakan maka dibawa suatu Rang Undang-undang untuk meminda undang-undang itu, maka ini saya rasa satu amalan yang kurang baik, kurang sihat dan kurang manis, tetapi mungkin ada keadaan yang memaksa perkara itu dilakukan dan mungkin ini satu daripadanya saya kurang faham. Mungkin agaknya keadaan terpaksa di mana perkara semacam ini terpaksa kita buat. Dan kalau itu berlaku maka apalah kita hendak buat terpaksalah kerana itu keadaannya yang mendesak yang tidak dapat dielakkan. Tetapi saya sungguh-sungguh merayu di masa-masa akan datang cubalah mengelakkan berlakunya keadaan seperti ini kerana ini soal pokok, soal prinsip, soal kemuliaan dan kedaulatan Dewan yang mulia ini.

Sungguhpun demikian, Akta Profession Undang-undang 1976 ini adalah satu Rang Undang-undang yang baik; pada keseluruhannya ini adalah suatu undang-undang yang disambut baik oleh orang ramai dan juga peguam-peguam, dan masing-masing menunggu bila lagi Rang Undang-undang

yang telah diluluskan oleh Dewan ini dikuatkuasakan, tetapi oleh kerana ada satu dua fasal di dalamnya yang mana bantahan telah diperbuat oleh pihak-pihak yang tertentu, maka seluruh undang-undang itu sekarang telah terhenti berkuatkuasa. Saya sungguh berharap biarlah fasal-fasal yang controversial sahaja ditangguhkan, biarlah Akta Profession Undang-undang 1976 ini dikuatkuasakan tetapi mana-mana fasal yang controversial itu ditangguhkan iaitu fasal-fasal yang difikirkan boleh ditangguhkan, tetapi yang lain-lain itu biarlah berjalan kuatkuasanya, kerana banyak fasal-fasal dalam undang-undang itu, malah boleh dikatakan kebanyakan fasal-fasal dalam undang-undang yang telah diluluskan di Dewan ini amat berfaedah dan berguna kepada masyarakat di negara kita. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa berkuatkuasanya undang-undang itu tidak akan ditangguhkan lagi oleh sebab ada satu dua fasal yang telah ditegur oleh beberapa pihak. Jangan disebabkan satu dua fasal yang ditegur maka keseluruhan undang-undang itu terpaksa ditangguhkan kuatkuasanya. Saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang supaya menguatkuasakan dengan segera fasal-fasal yang tidak controversial itu dan menangguhkan fasal-fasal yang difikirkan boleh menjadi controversial dan sudahpun ditegur oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Satu daripada fasal yang saya fikir mungkin mendatangkan kebaikan ialah bahawa Queen's Counsel (Q.C.) dibenarkan untuk berhujah di mahkamah kita di atas kes-kes yang tertentu. Dalam undang-undang kita sebelum daripada Akta Profession Undang-undang 1976 ini, boleh dikatakan Queen's Counsel ataupun Peguam Agong tidak langsung dapat peluang untuk hadir ataupun berhujah di mahkamah-mahkamah di negara kita oleh kerana undang-undang kita begitu ketat dan sungguhpun ada keadaan-keadaan yang memerlukan mereka yang pakar di dalam hal ini tidak dapat mewakili sesebuah pihak oleh kerana undang-undang kita begitu rupanya. Tetapi Akta Profession Undang-undang 1976 telahpun melonggarkan keadaan itu dan membenarkan mereka yang berkelayakan pakar dalam sesuatu hal seperti Queen's Counsel dan sebagainya

boleh dikatakan secara otomatik untuk mewakili pihak-pihak tertentu di dalam perbicaraan di mahkamah-mahkamah. Ini adalah satu fasal saya rasa liberal dan kena pada tempatnya kerana sungguhpun saya mempunyai penuh keyakinan dan kepercayaan di atas kecekapan dan mutu peguam-peguam kita, saya percaya peguam-peguam di negara kita ini tidak kurang hebat kepandaian mereka dengan peguam-peguam di mana-mana juga di dunia ini. Peguam-peguam Malaysia sama tarafnya dari segi kelayakan dan kecekapan mereka dengan peguam-peguam di seluruh dunia ini. Tetapi mungkin oleh sebab-sebab manusia ini bermacam-macam cara mereka, kita tidak harus menyekat peluang mereka ini untuk mendapatkan peguam-peguam yang bukan daripada warganegara untuk sesuatu kes yang agaknya luar biasa dan juga yang teristimewa. Kerana itulah maka fasal yang saya sentoh tadi amat popular sekali dan amat ditunggu-tunggu oleh masyarakat di negara ini. Dalam kita tidak merendahkan kelayakan dan kecekapan peguam-peguam warganegara Malaysia, kita harus juga mengalu-alukan pindaan yang saya maksudkan tadi. Itu hanya satu contoh dan banyak lagi fasal-fasal yang memang ditunggu-tunggu oleh masyarakat di negara kita ini.

Saya sekali lagi merayu dengan sepuuhnya ikhlas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang supaya jangan lagi menangguhkan fasal-fasal yang begitu menarik, yang begitu menasabah, yang begitu liberal, yang begitu constructive dan yang boleh memberi banyak faedah kepada masyarakat dan janganlah fasal-fasal itu tergendala kuatkuasanya oleh sebab ada satu dua fasal yang controversial yang telah ditegur oleh pihak-pihak yang berkenaan.

4.55 ptg.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Ahli Yang Berhormat dari Sepang atas teguran-teguran beliau dalam membahaskan Akta yang dihadapan Dewan pada hari ini.

Sukalah saya menjawab pertamanya hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang

menyatakan tidak puas hatinya atas pindaan yang dilakukan dalam Akta ini iaitu Fasal 9. Menurut pendapat beliau, ini adalah memburukkan keadaan, terutama bagi rakyat yang cuba membeli rumah, tetapi pembelian itu dihadkan kepada peguam-peguam pada satu pihak. Dengan lain perkataan, beliau menyatakan monopoli itu adalah dengan pindaan ini dikembalikan semula. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu iaitu peruntukan dalam Fasal 9 ini hendaklah diteliti dengan jelas dan dengan perlahan-lahan sebelum membuat tuduhan tersebut. Sebenarnya, perkara yang diliputi atas pindaan tersebut ialah bagi seseorang pembeli yang tidak mahu menggunakan peguamcara pihak pemaju perumahan. Jadi dengan demikian, dari segi undang-undang diberilah peluang kepadanya untuk menentukan samada dia hendak mencari peguamcara yang lain atau, menerusi proses di bawah Rang Undang-undang ini, membuat perakuan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah bahawa ia rela menggunakan peguamcara pemaju perumahan tersebut. Jadi peluang ini adalah terbuka kepada pembeli, bukannya dipaksa pembeli itu mengambil upah dan daya usaha peguamcara yang khidmatnya diguna atau dipakai oleh pemaju perumahan tersebut. Jadi, ada perbezaan antara apa yang Ahli Yang Berhormat itu sangkakan dengan keadaan yang sebenar.

Selain daripada itu, saya suka menjelaskan iaitu monopoli yang disebutkan oleh beliau itu sebenarnya tidak berlaku sekiranya peruntukan-peruntukan Akta Profession Undang-undang ini dikuatkuasakan. Kerajaan memang sedar iaitu pada masa-masa lampau ada pihak-pihak yang tertentu mengambil peluang dan kesempatan untuk menindas pembeli rumah dan mengenakan bayaran-bayaran tinggi tertentu tetapi ini adalah soal lain yang sebenarnya dapat dikemaskinikan oleh Majlis Peguam sendiri dalam usahanya untuk memberi khidmat yang sebenar-benarnya kepada masyarakat dari segi guaman.

Pandangan beliau bersabit dengan peguam-peguam bumiputra, ini adalah berhubung dengan peluang-peluang yang ada di samping perniagaan-perniagaan yang lain di negara kita, bukan hanya dalam bidang guaman yang terdapat masalah perlumbaan ini, malah di bidang-bidang lain pun demikian. Oleh itu, samada seseorang itu beroleh peluang atau tidak untuk mengendalikan

clientnya menerusi pemaju-pemaju perumahan adalah di luar bidang Akta ini dan tidak perlulah disebutkan atau dimasukkan dalam mana-mana pindaan yang ada di hadapan kita. Kepincangan yang beliau sebutkan itu tidak dapat diteliti pada ketika ini walaupun di Bukit Mertajam telah dikatakan wujud semacam keadaan yang memerlukan tindakan Kerajaan. Samada hal ini berlaku atau tidak, perlulah diteliti dan saya percaya Majlis Peguam cawangan Pulau Pinang atau yang berhampiran sekali perlu dihubungi oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk memperbaiki keadaan dan suasana antara peguam dengan klain-klainnya (clients) sendiri.

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang atas kepercayaan beliau kepada Akta Profession Undang-undang ini secara keseluruhannya. Saya percaya dan yakin sebagaimana beliau juga iaitu Akta ini akan berupa salah satu dari payung penjamin kepada amalan undang-undang di negara ini. Kita hanya mengkritik bahagian-bahagian yang mungkin menimbulkan kekeliruan tetapi jarang sekali menyokong atas kebaikan Akta ini keseluruhannya. Beliau telah menyokong Kerajaan dan menyatakan bahawa Akta ini adalah baik dan akan dapat memberi keteguhan kepada profession ini di samping menjadi penjamin kepada amalan yang dinamakan Legal Practice ini selanjutnya. Saya suka lah menegaskan dan memberi jaminan iaitu Akta ini akan dilaksanakan atau dikuatkuasakan dengan seberapa segera yang mungkin setelah prosesnya diselesaikan.

Beliau menimbulkan tentang penglibatan kumpulan-kumpulan tertentu dalam perundangan ini. Katanya kita tidak boleh sensitif benar terhadap teguran-teguran dari mana-mana pihak. Saya suka menerangkan iaitu sebenarnya Akta ini telah diatur untuk dikuatkuasakan lebih awal lagi tetapi pandangan dan juga teguran, tegasnya kritik yang disampaikan kepada Kementerian ini begitu meluas dan pihak-pihak tertentu khususnya Majlis Peguam bersungguh-sungguh benar untuk mengemukakan pandangan pandangan ini, maka Kerajaan terpaksa lah menangguhkan penguatkuasaannya dan meneliti, mengkaji semula syor-syor yang dikemukakan oleh Majlis Peguam tersebut. Ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan panik ataupun dalam keadaan tidak tentu hala dalam sesuatu syor yang dikemukakan itu.

Sebenarnya, Kementerian Undang-undang adalah amat "cool" atau amat tenang dalam pemikirannya apabila sesuatu cadangan itu dikemukakan dan oleh itu setelah didalami dan diselami keadaan-keadaan yang ditimbulkan itu barulah dikemukakan pindaan-pindaan ini. Ada berbagai-bagai pindaan dalam Rang Undang-undang ini yang akan memberi kesenangan kepada beberapa pihak terutama mereka yang ingin menjadi Peguam cara atau Peguambela di hari-hari muka. Umpamanya, Fasal 2, di sini diberi pengecualian setinggi-tingginya sampai 6 bulan bagi orang-orang yang telah mempunyai pengalaman mengikuti latihan amali di mana-mana firma atau chamber, atau firma Pengamal Undang-undang di Komanwel atau di negara kita sendiri. Ini adalah satu kesenangan dan kemudahan saya kira bagi mereka yang mempunyai keinginan untuk menceburkan diri dalam bidang guaman.

Selain dari itu, memang benar sebagai mana Ahli Yang Berhormat dari Sepang menyatakan Queen's Counsel umpamanya sekarang ini bolehlah mengendalikan kes-kes di tanahair kita di mana bidang-bidang keilmuan undang-undang itu tidak ada pada setengah-setengah pihak peguam-peguam kita dan ini perlu kita utamakan sebagai satu langkah progresif yang dikandungkan, dimuatkan dalam Rang Undang-undang Profession Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan-jawapan ringkas saya mengenai teguran dari kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tuan Rais Yatim: Tuan Pengerusi, sukacita saya mengemukakan sedikit pindaan

seperti yang terkandung dalam surat pekeliling DR. 38/76. Pindaannya adalah seperti berikut:

*Fasal 2—*Potong perkataan "dan" yang terdapat di hujung perenggan (a). Masukkan perenggan baru (b) yang berikut selepas perenggan (a)—

"(b) menggantikan noktah dengan noktah bertindih dan menambah perkataan "atau" di hujung perenggan (c); dan".

Nomborkan semula perenggan "(b)" sekarang sebagai perenggan "(c)".

*Clause 2—*Delete the word "and" appearing at the end of paragraph (a). Insert the following new paragraph (b) after paragraph (a)—

"(b) substituting a colon for the fullstop and adding the word "or" at the end of paragraph (c); and".

Renumber present paragraph "(b)" as paragraph "(c)".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.02 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 dibaca pada kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 dengan mengadakan peruntukan-peruntukan

yang lengkap dan sesuai mengenai perkara-perkara berhubung dengan rawatan, pemulihan dan penyeliaan lanjutan untuk penagih-penagih dadah, serta memansuhkan Seksyen 37B dalam Ordinan itu.

Tujuan asal Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 itu ialah untuk mengawal, dari segi impot, ekspot, pengeluaran, jualan dan penggunaan candu dan beberapa jenis dadah yang tertentu. Sehingga tahun 1975, apabila satu pindaan dibuat, Ordinan ini tidak mempunyai peruntukan mengenai rawatan dan pemulihan. Pada 29hb April, 1975 Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975 telah diisytiharkan dalam *Warta Kerajaan* dengan memberi kuasa kepada Menteri Kebajikan Am serta pegawai-pegawainya menjalankan kerja-kerja pemulihan seperti terkandung di dalam Seksyen 37B dalam pindaan itu.

Hasil dari pindaan ini Kementerian saya telah mengadakan tiga buah Pusat Pemulihan Dadah mulai dari bulan Oktober, 1975 dan dari pengalaman sejak mentadbirkan pusat-pusat ini, Kementerian saya mendapati ada beberapa kekurangan untuk mengawal penagih-penagih dadah yang menerima rawatan pemulihan. Seorang penagih boleh dengan sukarela menerima rawatan di pusat pemulihan tetapi tidak ada peruntukan untuk menahannya daripada keluar bila-bila masa ia suka samada ia sudah pulih atau tidak. Jika ini dibiarkan seolah-olah pusat pemulihan ini telah digunakan sebagai tempat mengelak dari tangkapan Polis atau sebagai tempat berihat oleh penagih-penagih dan pengedar-pengedar dadah. Dengan tidak adanya kuasa menahan mereka di pusat pemulihan maka ini menggalakkan penagih-penagih keluar sesuka hati dan balik semula menghisap dan mengedar dadah. Jika ini berlaku tentulah mengakibatkan kerugian tenaga, masa dan perbelanjaan di pusat pemulihan.

Kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan ini telah dikaji dengan teliti oleh Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Undang-undang, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Biro Narkotik, Polis Di Raja, Jabatan Kimia dan Instituti Penyelidikan Perubatan. Hasil daripada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan ialah ujudnya Rang Undang-undang yang sedang dibentang di Dewan ini sekarang.

Rang Undang-undang ini di antara lain mengandungi peruntukan yang lengkap mengenai kuasa-kuasa:

- (a) mewajibkan seseorang yang disyakki menjadi penagih dadah itu menerima pemeriksaan perubatan dan boleh dihukum jika ia enggan menerima pemeriksaan itu;
- (b) mewajibkan seseorang penagih itu menerima rawatan di pusat pemulihan selama enam bulan dan boleh dihukum jika ia enggan masuk atau lari dari pusat itu;
- (c) mewajibkan seseorang penagih yang didapati tidak perlu dimasukkan ke pusat pemulihan menerima seliaan di bawah seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat selama dua tahun;
- (d) mewajibkan seseorang yang telah tamat tempoh tinggal di pusat pemulihan menerima seliaan lanjutan selama dua tahun di bawah Pegawai Kebajikan Masyarakat atau sesiapa yang dilantik oleh jawatankuasa pemulihan mengikut nasihat Pegawai Kebajikan Masyarakat, dan ia boleh dihukum jika melanggar syarat-syarat yang dikenakan kepadanya;
- (e) mewajibkan seseorang penagih itu atau ibubapa/penjaga, jika penagih itu masih belum dewasa, dikenakan bayaran atas perkhidmatan yang diterimanya semasa ia berada di pusat pemulihan;
- (f) mewajibkan seseorang penagih yang dengan sukarela meminta pertolongan rawatan mematuhi semua peraturan dan syarat-syarat seperti yang dikenakan kepada penagih-penagih lain.

Rang Undang-undang ini juga mempunyai peruntukan bagi menyelamatkan orang-orang muda dari bahaya dadah sejak awal-awal lagi. Jika seorang yang berumur bawah 21 tahun didapati salah di sisi Ordinan ini, maka peruntukan ada dibekalkan bagi Mahkamah, setelah menimbangkan laporan latarbelakang yang disediakan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, (i) memerintahnya supaya diselai oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat selama dua tahun atau (ii) memerintahnya menerima rawatan di pusat pemulihan selama enam bulan. Mahkamah juga diberi kuasa menimbangkan samada

perintah-perintah ini dijatuhkan dengan catitan atau tanpa catitan hukuman (with or without conviction).

Untuk melicinkan pentadbiran dan meningkatkan mutu hasil pusat pemulihan serta menggalakkan orang ramai melibatkan diri dalam usaha-usaha bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah dan untuk menjamin supaya sumbangan dan perkhidmatan yang diberi oleh mana-mana pihak badan sekalipun akan memberi kesan yang baik maka peruntukan-peruntukan disediakan bagi Menteri Kebajikan Am:

- (1) Melantik satu Lembaga Pelawat bagi tiap-tiap pusat pemulihan untuk menjalankan kerja-kerja yang tertentu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Menteri Kebajikan Am dan untuk memberi nasihat serta syor-syor kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat di atas perkara-perkara yang dirujuk oleh Ketua Pengarah itu. Lembaga Pelawat itu juga diberi kuasa untuk memendek atau memanjangkan tempoh bagi seseorang penagih itu tinggal di pusat pemulihan mengikut hasil kemajuan rawatan dan pemulihan yang dicapainya.
- (2) Melantik jawatankuasa pemulihan bagi tiap-tiap negeri atau daerah untuk memberi perkhidmatan kebajikan kepada penagih-penagih dan membantu Pegawai Kebajikan Masyarakat di dalam menjalankan kerja-kerja seliaan dan seliaan lanjutan terhadap penagih-penagih yang di bawah jagaannya.
- (3) Memberi pertimbangan kepada sesiapa yang hendak menubuhkan pusat pemulihan dadah tertakluk kepada syarat-syarat yang diatur oleh Menteri itu. Kelulusan yang diberi itu boleh dibatalkan dan barang siapa yang mengelolakan pusat pemulihan tanpa kelulusan Menteri Kebajikan Am boleh didakwa dan dihukum. Peruntukan ini diadakan untuk menjamin mutu hasil yang baik serta mengawal masalah penyalahgunaan dadah.

Untuk menguatkan lagi kawalan atas penyalahgunaan dadah peruntukan diadakan juga bagi mewajibkan semua doktor per-sendirian memberitahu Menteri Kesihatan mengenai penagih-penagih yang menerima

rawatan atau pemulihan dari mereka mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulasnya saya suka menyatakan bahawa mengikut Rang Undang-undang ini Kementerian Kebajikan Am adalah bertanggungjawab bagi mengelolakan pusat-pusat pemulihan yang lengkap di mana kerja-kerja rawatan termasuk detoksifikasi dan pemulihan dijalankan. Dengan adanya perkhidmatan rawatan dan pemulihan ditempatkan dalam satu pusat yang sama maka kerja-kerja memulihkan seseorang penagih itu akan dapat dijalankan dengan lebih segera dan berkesan kerana ia akan dapat diberi pertolongan dari awal-awal lagi. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan dalam pusat pemulihan itu tidak akan memberi menafaat yang sepenuhnya jika seorang penagih itu yang telah keluar dari pusat tersebut tidak diberi pertolongan dan bantuan untuk menyesuaikan diri semula dengan keluarga dan masyarakat dan oleh itu peruntukan seliaan lanjutan adalah sangat penting. Dalam tempoh dua tahun seorang penagih itu dalam seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat, ia ini dididik semula dengan bimbingan dan nasihat dan diberi bantuan seperti masuk sekolah jika perlu, mencari kerja dan sebagainya.

Dengan adanya pusat pemulihan yang lengkap ini maka Kementerian Kesihatan tidaklah lagi perlu menjalankan kerja-kerja rawatan dan detoksifikasi di hospital-hospital seperti yang dijalankan sekarang dan sebaliknya Rang Undang-undang ini memberi peruntukan supaya hospital-hospital hanya digunakan untuk tempat memeriksa dan menentukan samada seorang itu benar-benar penagih atau tidak dan ini akan memakan hanya satu hari sahaja. Walau bagaimanapun semua rujukan akan tetap dibuat melalui Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Rang Undang-undang ini membolehkan kerja-kerja pemulihan dijalankan dengan licin dengan cara kawalan dan seliaan lanjutan yang dijalankan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat mulai dari penagih itu dirujuk sampailah ia masuk ke pusat pemulihan selepas itu di bawah seliaan lanjutan apabila dia telah keluar. Dengan cara begini penagih-penagih dadah yang begitu ramai bilangannya di negara kita sekarang diharap akan dapat diberi pertolongan dan masalah ketagih dadah akan dapat dikurangkan secara beransur-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Akta Bagi Meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.16 ptg.

Tuan Haji Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 dan memberi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah menyedari hakikat bahawa Kerajaan bukanlah hendak memberi layanan yang manja kepada penagih-penagih dadah yang selama ini telah berlaku, dipulih mengikut suka hati, kalau dia hendak lari, dia lari dan kalau dia suka hendak berubat, dia masuk berubat. Atas kesedaran ini, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi telah mengemukakan peraturan yang agak lebih ketat dan boleh jadi agak lebih berkesan kepada penagih-penagih dadah, kerana ini merupakan satu penyakit negara yang ditanggung oleh Kerajaan bukan sahaja sebagai satu penyakit yang berjangkit, tetapi penyakit ini agak lebih lama akan ditanggung oleh negara dan oleh rakyat negeri ini kerana penghisap dan penagih dadah nampaknya telah bertambah dari semasa ke semasa.

Dengan adanya peruntukan di bawah Akta ini yang dianggap salah kepada penagih-penagih dadah yang enggan daripada dimasukkan ke tempat pemulihan, saya rasa inipun baik kerana tidak dibiarkan mereka di luar, ikut hati sendiri yang makin lama makin menjadi satu perkara yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penagih dadah yang di bawah umur 21 tahun, saya meminta perkara ini difikirkan lebih halus lagi supaya tidak diberi maaf kepada anak-anak yang di bawah umur 21 tahun dengan anggapan bahawa mereka di bawah umur. Patut dicari ikhtiar bagaimana mereka juga boleh diberi hukuman yang berat kerana hari ini kita dapati pengedar-pengedar dadah telah menggunakan anak-anak yang di bawah umur bukan sahaja belasan tahun tetapi 9 tahun atau 10 tahun, bagaimana pernah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang. Ini satu perkara yang amat merbahaya sekali kerana pengedar-pengedar dadah ini juga study undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan. Kalau sekiranya

undang-undang itu longgar, di situ mereka masuk. Kalau Kerajaan kita memberi layanan yang ringan kepada anak-anak yang di bawah umur 21 tahun atau belasan tahun, tidak dihukum berat dengan sebab mereka mengedar, menjual dan membahagi-bahagi dadah, maka mereka mengambil kesempatan menggunakan anak-anak yang di bawah umur ini menjadi satu alat pengedar dadah. Perkara ini pun patut difikirkan juga oleh pihak Kerajaan.

Saya mengalu-alukan satu peraturan bagi peniaga-peniaga yang menjaga penagih-penagih dadah atau ibubapanya mesti membayar sumbangan atas sedikit sebanyak belanja yang ditanggung oleh Kerajaan untuk memulihkan mereka itu. Ini menjadi satu tanggungan bersama kepada penjaga-penjaga ataupun penagih-penagih dadah itu sendiri dan boleh didenda kalau sekiranya mereka enggan membayar. Ini kerana Kerajaan hendak mengambil sedikit wang balik daripada wang yang telah dikeluarkan untuk penagih-penagih dadah. Tetapi cuba cari satu ikhtiar yang lain yang lebih luas bagaimana Kerajaan boleh menggunakan penagih-penagih dadah yang kita kurung selama 6 atau 4 bulan ini boleh digunakan tenaga mereka untuk disuruh bekerja samada bekerja kebun atau berladang atau kerja tangan dan sebagainya supaya memberi hasil kepada Kerajaan.

Jadi, diharapkan kawasan pemulihan penagih dadah itu kalau boleh bukan sahaja merupakan sebuah rumah atau kawasan 10-20 ekar, tetapi biarlah sampai beratus-ratus ekar; tanah Kerajaan yang belum digunakan itu diambil untuk kawasan pemulihan penagih dadah di mana penagih-penagih itu disuruh bekerja. Boleh jadi dengan bekerja macam itu mereka cepat pulih kerana mereka dapat keluar peluh, mereka lupakan dadah dan mereka ada tanggungjawab, badan mereka penat menjadikan mereka lekas pulih dan Kerajaan pula akan mendapat hasil. Barangkali daripada tenaga kerja itu Kerajaan dapat tanam-tanaman sayur-sayur dan bahan-bahan makanan yang barangkali mengurangkan belanja Kerajaan membeli di pasar untuk menanggung makan penagih-penagih dadah di pusat-pusat pemulihan itu.

Saya juga mengalu-alukan peruntukan yang dianggap salah apabila penagih-penagih lari daripada pusat pemulihan. Ini pun

barangkali menjadi satu langkah yang berkesan supaya penagih-penagih yang ditahan di pusat pemulihan tidak boleh keluar masuk sesuka hati atau lari sesuka hati. Di luar mungkin mereka mencari lagi dadah kemudian apabila susah dan teruk mereka masuk sekejap dan kemudian lari lagi. Dengan adanya peraturan itu dapatlah dikawal dengan lebih kuat lagi, dan juga bukan sahaja ketika mereka lari daripada pusat pemulihan, bahkan jika mereka bercuti pun nampaknya kalau tidak balik semula ke tempat pemulihan itu pun dianggap salah. Jadi nampaknya Kerajaan sedar bagaimana patut diberi satu hukuman yang agak berat kepada penagih-penagih dadah. Kita cuba hendak pulihkan mereka, tetapi mereka tidak mengikut peraturan Kerajaan.

Seperkara lagi patut dialu-alukan ialah Kerajaan membenarkan penubuhan pusat pemulihan swasta iaitu oleh orang perseorangan ataupun sesiapa juga, dan badan-badan swasta yang hendak mengadakan pusat pemulihan dadah diberi kebenaran oleh Menteri dan boleh dibatalkan kebenaran itu bila-bila masa sekiranya difikirkan tidak perlu. Ini merupakan satu galakan kepada swasta atau kepada orang-orang yang berada, orang-orang kaya, hartawan-hartawan yang banyak wang yang hendak buat jasa kepada negara atau kepada rakyat dengan memberi sumbangan wang mengadakan tempat pemulihan dadah seperti juga pernah kita lihat hartawan membuat rumahsakit sendiri ataupun tempat pemulihan orang yang sakit otak dan Rumah Orang-orang Tua dan sebagainya. Jadi, kita serulah kepada hartawan-hartawan negara kita yang banyak wang atau jutawan yang berlumba-lumba membuat jasa kepada negara dan rakyat dengan banyaknya menubuhkan pusat-pusat pemulihan penagih dadah dan boleh menolong Kerajaan dalam hal ini. Masaalah penagih dadah seperti saya katakan tadi bukanlah masaalah perseorangan atau masaalah Kerajaan sahaja tetapi boleh jadi satu penyakit kepada negara dan masyarakat dan apabila penagih dadah begitu banyak bermaharajalela boleh jadi hartawan yang sayangkan duitnya sendiri pun tidak selamat sebab penagih dadah itu pun boleh mengugut mereka. Jadi adalah lebih baik kalau semua hartawan dan jutawan tampil ke muka memberi sumbangan untuk mengadakan pusat pemulihan dadah ataupun bekerjasama dengan Kerajaan dalam hal ini. Boleh jadi dengan peruntukan ini

menyenangkan bekas Perdana Menteri kita Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-Haj yang telah mengambil inisiatif yang awal menunjukkan bahawa beliau hendak menjadi seorang yang berkhidmat mengadakan pusat pemulihan sendiri untuk memulih penagih dadah. Ini kita patut alu-alukan khidmat beliau dan dengan Akta ini barangkali kita nampak di masa akan datang beberapa buah rumah pusat pemulihan dadah swasta akan wujud dan memberi khidmat yang baik kepada Kerajaan dan negara.

Begitu juga dikuatkuasakan pegawai-pegawai atau doktor-doktor swasta yang berdaftar yang merawat penagih dadah di pusat-pusat kesihatan mereka, wajib melaporkan kepada Menteri atau Kerajaan mengenai penagih-penagih yang terlibat itu. Ini merupakan suatu kewajipan kepadanya seperti juga mereka melaporkan penyakit-penyakit yang berjangkit supaya setiap penagih dadah dan terlibat dengan dadah tidak boleh dengan sewenang-wenangnya melepaskan diri atau mengelakkan diri daripada terikat dengan memasuki pusat-pusat pemulihan yang diwajibkan oleh Kerajaan itu.

Saya rasa itulah sedikit pandangan saya dan sekali lagi saya mengalu-alukan Akta ini yang sedikit sebanyak akan memberi kesan yang baik dalam bidang atau langkah Kerajaan bagi menjalankan usaha mengadakan pusat pemulihan penagih dadah di negara kita.

5.29 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) yang dikemukakan oleh Menteri Kebajikan Am untuk menghapuskan penagih-penagih dadah dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan yang giat bertugas untuk menghapuskan masaalah ini adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi yang mendukacitakan saya kadang-kadang bila ada satu-satu kes penagih dadah yang diketahui, apabila diminta pegawai-pegawai berkenaan untuk memeriksa didapati bilangan pegawai berkenaan tidak mencukupi untuk memeriksa kes penagih dadah itu. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat menambahkan seorang pegawai yang bertugas khas untuk menyelidiki berkenaan dengan dadah.

Di samping itu, saya juga berharap hendaklah penyalarsan yang rapi diadakan di antara Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab sama untuk menghapuskan dadah, seperti Pasukan Polis dan Kementerian Kesihatan. Apa yang mendukacitakan bila satu-satu kes berkenaan dadah ini diberitahu oleh ibubapa dan sebagainya kepada Jabatan Kesihatan, kadang-kadang pihak Jabatan Kesihatan mengatakan perkara ini hendaklah diberitahu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita hendak tahu samada mereka ini ketagih dadah atau tidak hendaklah diperiksa oleh Jabatan Kesihatan. Apabila pergi ke Jabatan Kesihatan mereka mengatakan: ini adalah tugas Jabatan Kebajikan. Jadi, saya berharap jabatan-jabatan yang berkenaan hendaklah ada penyalarsan yang rapi untuk menghapuskan dadah ini.

Yang kedua, tempat pemulihan dadah. Saya menyokong apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang iaitu sesudah kita mengeluarkan wang perbelanjaan yang banyak sepatutnya di masa akan datang di samping kita memberi makan hendaklah memberi teguran atau ajaran berkenaan cara-cara hendak menghilangkan ketagih dadah. Kita juga hendaklah mengadakan satu latihan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang itu. Kita patut mengadakan satu taman atau kebun untuk pemulihan dadah, dengan adanya kebun ini akan mengeluarkan hasil kepada negara. Janganlah kita belanjakan wang kepada mereka dengan percuma sahaja sesudah membuat sesuatu perkara yang merosakkan diri mereka sendiri dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan yang rapi dari doktor-doktor patutlah diadakan bukan sahaja dari kanak-kanak yang berumur 19 tahun bahkan diperiksa kepada semua orang termasuk pegawai-pegawai Kerajaan, walaupun mereka ini berjawatan tinggi. Saya telah mendapat tahu penyakit penyalahgunaan dadah ini bukan sahaja di kalangan kanak-kanak sekolah, orang-orang awam tetapi kadang-kadang yang mendukacitakan ialah orang yang berjawatan tinggi pun ada, setengah-setengahnya ada yang terdiri daripada kerani, jurutera dan sebagainya. Malangnya, disebabkan mereka ini ada wang apabila dia diperiksa oleh doktor, doktor tentulah tidak memberi laporan yang sepenuhnya yang menyatakan mereka ini

telah ketagih dadah. Jadi bila didapati sesuatu kesalahan saya berharaplah pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan orang ini dahulu iaitu orang yang bersangkutan dengan Kerajaan, orang yang makan gaji dengan Kerajaan. Orang ini patutlah diambil berat dahulu sebelum daripada orang awam atau kanak-kanak sekolah dan sebagainya kerana merekalah yang bertanggungjawab baik buruknya Kerajaan. Kalau pegawai Kerajaan ini menghisap dadah, mereka ini hendaklah kita hapuskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit dadah ini terlampau merbahaya, maka apa Rang Undang-undang untuk menghapuskan dadah baik cara pemulihan dan sebagainya saya adalah menyokong. Saya berpendapat kalau Kerajaan kita telah mengadakan berbagai-bagai badan seperti Badan Pencegah Rasuah (BSN) dan sebagainya, saya ingat dadah ini lebih bahaya daripada rasuah, kerana rasuah kadang-kadang orang yang menerima rasuah untuk hendak kesenangan, ada satu-satu tujuannya, tetapi bagi dadah ini akan merosakkan dirinya dan juga negara. Ini adalah sangat merbahaya, dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, khasnya kepada Kerajaan menubuhkan satu badan yang dinamakan BPPD (Badan Pencegah Penyalahgunaan Dadah) patut diadakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Badan apa, Badan Penggalakan?

Tuan Shaari bin Jusoh: Badan Pencegah Penyalahgunaan Dadah, kerana dadah ini terlampau bahaya, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap supaya Kerajaan bersungguh-sungguh mengambil daya-usaha bukan sahaja Jabatan Kebajikan Masyarakat bahkan ini menjadi tanggungjawab Kerajaan, kerana negara kita akan rosak disebabkan penyalahgunaan dadah. Perkara ini sudah terlampau banyak berlaku bukan sahaja kepada orang awam, murid-murid sekolah bahkan terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan sebagaimana saya katakan tadi.

3.35 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat ucapan sedikit berkait dengan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya

(Pindaan) 1952 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini kerana sekarang ini terdapat penagih-penagih dadah yang menjadi satu bahaya yang besar bagi negara kita dan juga yang paling mendukacitakan ialah sebahagian besar daripada penagih-penagih ini adalah terdiri daripada bumiputra iaitu belia-belia yang telah ditipu oleh pengedar-pengedar dadah dengan bermacam-macam cara sehingga mereka menjadi penagih.

Tuan Yang di-Pertua, bolehlah dikatakan 70% daripada penagih-penagih dadah adalah daripada belia bumiputra iaitu belia-belia Melayu. Apa yang mendukacitakan pula ialah sebahagian besar daripada orang yang telah menerima rawatan ini kembali semula menjadi penagih kerana mereka tidak tahan dengan tekanan nafsu mereka untuk menghisap perkara yang buruk ini. Setahu saya ada penagih-penagih ini kalau tidak dapat dadah mereka sanggup memecah mentol lampu, dikikis dan habuknya dijadikan hisapan. Perkara ini telah berlaku dan amatlah mendukacitakan kerana kita tahu bahawa debu bulb lampu ini adalah racun yang merbahaya. Begitu juga minyak hari-mau pun menjadi alat untuk dicampur di dalam dadah dan digunakan oleh penagih-penagih. Banyak pengedar-pengedar dadah tidak dapat ditahan kerana mereka ini lebih bijak iaitu mereka meletakkan dadah di satu tempat dan dijual di tempat yang lain. Semalam saya telah melihat di mahkamah di mana sebahagian daripada budak-budak kita telah ditahan, saya harap pihak berkenaan ambil perhatian yang sungguh-sungguh dan menjalankan kerja dengan lebih kuat untuk membasmi hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi, saya cadangkan juga mereka ini dikumpulkan di sebuah kawasan besar dengan diberi kerja sementara di situ, kita suruh mereka ini berbincang bagaimana cara mereka mengatasi masalah ketagih itu, kerana pertama sekali ialah kita mesti menyedarkan kepada mereka tentang bahayanya dadah.

Yang kedua, diminta mereka berbincang mengenai bagaimana cara untuk mereka dapat menghilangkan daripada menjadi

penagih. Selain daripada itu, saya mencadangkan rawatan rohani perlu ditekankan, misalnya, kalau orang-orang Islam mesti dikumpulkan di satu tempat dan diberi satu rawatan rohani, diberi pengajaran Islam dan diajarkan roh-roh Islam seperti ilmu tasauf dan ilmu-ilmu yang membolehkan mereka ini keluar daripada amalan-amalan yang merbahaya ini. Demikian juga dengan agama lain saya rasa boleh juga diadakan kerana mereka masing-masing ada cara-caranya untuk mengubati penyakit yang merbahaya ini. Dengan cara ini saya rasa penting sekali dan sebagaimana kita dapat tahu bahawa banyak orang-orang Islam yang telah mengalami ketagihan dalam satu-satu hal seperti ketagihan arak dan juga benda-benda yang haram, apakala mereka memasuki satu alam yang dinamakan alam rohani dengan dipimpin oleh guru-guru yang berkemahiran maka mereka dengan secara sukarela dapat menghindarkan diri mereka daripada mengalami apa yang tidak disukai oleh orang ramai dan mereka sendiri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya tidak menyalahkan kepada penagih sahaja kerana mereka ini kebanyakannya adalah kena tipu dan yang kedua bila jiwa mereka sudah menjadi penagih kalau mereka berada di dalam jel tangan mereka ketar menggoncang pintu jel itu kerana apakala dia merasa hendak menghisap maka perasaan dia melampau-lampau. Jadi hal ini dapat diatasi dengan rawatan-rawatan rohani sebagaimana yang saya cadangkan tadi.

Selain daripada itu, saya cadangkan supaya tiap-tiap penagih ini diberi satu kad supaya mereka dapat satu rawatan di mana-mana hospital atau di mana-mana doktor yang bertauliah. Apabila mereka menunjukkan kad ini maka doktor yang berkenaan sedarlah bahawa mereka ini ketagih dadah dan tidak perlu diadakan pemeriksaan yang lebih panjang atau lebih lanjut. Ini adalah satu cara untuk mengatasi beberapa masalah tentang hal ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan saya harap kita akan dapat membasmi penyakit yang merbahaya ini tidak berapa lama lagi.

5.40 ptg.

Dato' Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun menyatakan penghargaan di atas usaha Kementerian saya untuk meminda Rang Undang-undang Dadah Berbahaya dengan tujuan untuk memperkemas dan memberikan peruntukan bagi rawatan dan pemulihan. Di atas pandangan-pandangan itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian. Untuk memendekkan masa hanya satu dua perkara yang saya ingin jelaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang ada menyebutkan mengenai penagih-penagih dadah yang muda di bawah umur 21 tahun hendaklah diberikan hukuman kerana mereka ini dikatakan telah digunakan oleh pengedar-pengedar yang besar-besar untuk mengedar dadah dan untuk lepas daripada hukuman mahkamah. Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa memanglah dalam Ordinan Dadah Berbahaya Seksyen 25B, memberi peruntukan bagi mahkamah supaya menerima rawatan dan pemulihan kepada pesalah-pesalah muda, tetapi bukanlah pula bermakna bahawa mahkamah tidak boleh menjatuhkan hukuman yang difikirkan sesuai. Masaalah ini rasa saya akan diberi perhatian yang serious oleh pihak Kementerian Undang-undang.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada membuat berbagai syor supaya penagih-penagih yang ditempatkan di pusat pemulihan itu digunakan tenaga mereka. Ini memanglah menjadi satu cadangan daripada Kementerian Kebajikan Am bahawa di pusat-pusat pemulihan ini penagih-penagih dadah itu akan merupakan satu tenaga yang boleh digunakan umpamanya membuka ladang dan sebagainya. Maka dengan sebab itulah pihak Kementerian ini memerlukan kawasan yang agak lega untuk menempatkan pusat-pusat pemulihan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar pula minta supaya diadakan suatu badan pencegah dadah kerana memandang berat masalah dadah yang ada ini. Yang sebenarnya badan ini sudahpun ada iaitu PEMADAM dan pengerusinya ialah Timbalan Menteri Undang-undang sendiri. Perkara ini telahpun dijalankan oleh Kerajaan dan orang ramai adalah memberi sokongan kepada PAMADAM ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga mencadangkan supaya diadakan rawatan rohani. Ini juga satu cara yang difikirkan sesuai oleh Kementerian untuk merawat penagih-penagih dadah iaitu bukan sahaja ditekankan rawatan jasmani tetapi juga ke-rohanian.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja perkara-perkara yang perlu saya jelaskan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang baik di atas Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1—

Dato' Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa perkataan "Menteri Kebajikan Masyarakat" seperti yang terdapat dalam Fasal 1 diganti dengan "Menteri Kebajikan Am" seperti yang ditunjukkan dalam Kertas Perintah DR. 48/76 yang telahpun diedarkan. Pindaan ini ialah untuk membetulkan kesilapan gubalan dan kesilapan cetakan.

Fasal 1 dan Huraian—

Gantikan "Menteri Kebajikan Masyarakat" dengan "Menteri Kebajikan Am".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Dato' Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 3 (a)

perkataan "Minister for Welfare Services" seperti yang terdapat dalam Fasal 3 (a) itu digantikan dengan "Minister of Welfare Services", seperti yang ditunjukkan di dalam Kertas Perintah DR. 48/76 yang telahpun diedarkan.

Pindaan ini bertujuan untuk membetulkan kesilapan gubalan dan kesilapan cetakan.

Fasal 3 (a)—Gantikan "Minister of Welfare Services" for "Minister for Services."

Clause 3 (a)—Substitute "Minister of Welfare Services" for "Minister for Welfare Services".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 3 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 dan 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.47 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebelum itu saya suka lah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa dalam masa membincangkan kepada bacaan kali pertama maka tajuk panjang Rang Undang-undang itu hanya disebutkan Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Pasaran Pertanian Persekutuan, 1965. Tetapi dalam Bill yang dicap sekarang ini adalah telah berubah sedikit iaitu berbunyi Suatu Akta bagi Meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 (sebagaimana yang

disemak sehingga 20hb Mei, 1974) dan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan), 1973.

Tuan Yang di-Pertua, pemasaran adalah satu aktiviti yang sangat penting di dalam apa juga bentuk kegiatan ekonomi, lebih-lebih lagi di dalam sektor pertanian. Ini adalah kerana dalam sektor ini aktiviti pemasarannya begitu luas dan sangat terdedah kepada anasir-anasir yang boleh menekan harga serta pendapatan dan memerah tenaga petani-petani. Satu pengawasan oleh pihak-pihak tertentu sangatlah perlu bagi mengelakkan tekanan itu. Pengawasan tersebut boleh dilakukan dengan campurtangan Kerajaan melalui penubuhan agensi-agensi pemasaran untuk bertanggungjawab mengawal dan membuat peraturan-peraturan yang perlu di dalam bidang pemasaran hasil-hasil pertanian. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di atas kesedaran inilah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau ringkasnya FAMA ditubuhkan di bawah Kementerian saya.

Semenjak ditubuhkan, FAMA telah mengambil bahagian cergas dan seberapa yang terdaya dalam memasarkan hasil-hasil keluaran petani-petani dan juga kegiatan-kegiatan lain yang ada hubungannya dengan pemasaran. Pada masa sekarang Lembaga ini sedang giat mengambil bahagian di dalam bidang perniagaan dan memproses hasil-hasil pengeluaran pertanian seperti lada hitam, kopi, kelapa, koko dan kacang tanah. Penyertaan FAMA dalam bidang-bidang tersebut tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mengujudkan satu pertandingan yang sehat di dalam bidang pemasaran hasil-hasil pengeluaran pertanian di negara ini. Usaha-usaha sedemikian akan membolehkan petani-petani kita mendapat harga yang berpatutan dari hasil-hasil pengeluaran mereka bagi menambahkan pendapatan dan meninggikan taraf penghidupan sehari-hari.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, FAMA akan membina sebanyak 31 buah Pusat Pemasaran Pertanian, 14 buah Pusat memproses kelapa kering, 5 kilang minyak kelapa dan sebuah Pusat memproses koko di seluruh negara. Semua projek ini adalah bertujuan untuk membantu menambahkan lagi saluran pemasaran hasil-hasil pengeluaran pekebun-pekebun kecil dan mengelakkan cengkaman orang-orang tengah terhadap mereka.

Selain daripada mengambil bahagian di dalam bidang pemasaran, pemerosesan dan kawalan pemasaran, adalah perlu juga FAMA mengambil bahagian di dalam perusahaan yang ada hubungan dengan fungsi utamanya iaitu pemasaran hasil-hasil pertanian dengan mengambil bahagian secara usaha sama ataupun ekuiti dalam projek memproses dan pemasaran dengan pihak swasta dan juga jika perlu menubuhkan anak-anak syarikat. Oleh kerana itu perlulah diberi kuasa yang lebih bagi membolehkan FAMA berbuat demikian.

Dalam menjalankan fungsi pemasarannya, FAMA perlu bekerja rapat dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (L.P.P.). Pada masa ini tidak ada wakil L.P.P. di dalam Lembaga Pengarah FAMA. Untuk mengujudkan kerjasama yang erat dan penyelarasan yang lebih berkesan di antara agensi pengeluar dan pemasaran adalah dicadangkan supaya seorang wakil dari L.P.P. dimasukkan menjadi ahli Lembaga Pengarah FAMA.

Pindaan lain yang dicadangkan ialah untuk menukar nama jawatan Ketua Eksekutif FAMA yang pada masa ini dikenali dengan nama Timbalan Pengerusi. Jawatan ini adalah lebih sesuai dikenali dengan nama Ketua Pengarah bersesuaian dengan tugasnya sebagai Ketua Eksekutif.

Di dalam menjalankan kegiatan-kegiatan-nya adalah perlu kepentingan FAMA dipelihara supaya tidak dipergunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan peribadi mereka sendiri. Walaupun telah ada peruntukan sedemikian di dalam Akta sekarang, tetapi saya rasa perlulah diperkukuhkan lagi supaya kepentingan tersebut lebih kuat terpelihara. Ini boleh dibuat dengan mengadakan peruntukan melarang perlantikan orang-orang yang mempunyai kepentingan peribadi yang difikirkan bercanggah dengan kepentingan FAMA menjadi ahli Lembaga Pengarah atau pegawai FAMA. Kalau mereka telah dilantik atau akan dilantik maka mereka akan diminta mengisytiharkan butir-butir kepentingan tersebut.

Satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah untuk memberi semula kuasa kepada FAMA untuk meminda Peraturan-peraturan Pemasaran Lada Hitam yang ditubuhkan di bawah Aktanya. Sebenarnya kuasa ini dahulunya ada, akan tetapi telah terhapus apabila peruntukan mengenainya dibatalkan

berikutan daripada pengambilan alih Peraturan-peraturan Pemasaran Padi dan Ikan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara dan MAJUIKAN. Oleh kerana Jemaah Pemasaran Lada Hitam masih lagi di bawah kuasa FAMA, peruntukan tersebut adalah perlu diadakan semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.54 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta Lembaga Pemasaran Pertanian ini telah lahir di dalam tahun 1965 iaitu hampir 12 tahun sekarang, tetapi sangat sedikit yang diketahui oleh masyarakat umum apakah peranan yang dimainkan oleh FAMA yang sebenar. Ini saya fikir adalah disebabkan kekurangan publicity samada publicity ini sengaja tidak hendak diadakan ataupun samada tidak ada perkara yang hendak publicisekan maka ini tidak dapatlah saya mengetahui dan saya berharap pada masa akan datang FAMA ini patutlah diberi publicity yang lebih, oleh kerana peranan yang dimainkannya adalah sangat penting. Namun demikian, masyarakat umum mengetahui bahawa FAMA ini adalah satu perbadanan—satu organisasi Kerajaan, jadi anggapan masyarakat umum terhadap sesuatu Perbadanan Kerajaan itu ialah untuk memimpin dan memandu mereka yang berkehendakkan khidmat FAMA ini.

FAMA ini pada hemat saya patutlah memainkan peranan yang positif, sentiasa berada di hadapan seperti juga RISDA ataupun UDA atau perbadanan-perbadanan yang lain. Organisasi seperti ini tidak menantikan supaya pihak-pihak yang berkenaan memohon apakah khidmat yang mereka boleh dapat daripada organisasi ini tetapi mereka selalu pergi ke tempat mereka yang berkehendakkan khidmatnya, menasihatkan mereka, memberikan segala pertolongan dan meorganisasikan mereka. Saya berharap juga pada masa akan datang supaya FAMA menjalankan usaha seperti ini dengan mengadakan pegawai-pegawai luarnya.

Di sini kalau mengikut Fasal 4 mengatakan bahawa FAMA ini boleh membeli equity di mana-mana jua enterprise. Di sini saya mencadangkan supaya kalau FAMA hendak

membeli equity di mana-mana juga enterprise maka ini tidak mencukupi, jika ianya menjadi minority shareholder. Sepatutnya FAMA mestilah mengambil kesempatan apabila mereka ini membeli equity, mereka ini dapat controlling shares supaya dengan cara ini, saya rasa dasar ekonomi kita dapat dijalankan dengan sempurna dan juga teratur. Dan juga jika misalnya FAMA hanya membeli equity dengan tidak ada control, saya takut kalau pihak-pihak yang lain akan menggunakan FAMA seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana mereka ini tahu akan keupayaan, kemudahan dan keutamaan yang diberi kepada sesuatu perbadanan-perbadanan Kerajaan, jadi kita takut kalau kesempatan seperti ini digunakan oleh mereka.

Perkara mengenai dengan kepentingan ahli ahli ataupun pekerja-pekerja yang bekerja dengan FAMA, mereka hendaklah mengisytiharkan kepentingan mereka di dalam apa juga enterprise yang diambil oleh FAMA. Sekarang ini memang banyak perkara berlaku di mana kalau seseorang pegawai tidak tahu mengikut peraturan, mereka ini tidak boleh ada kepentingan di dalam perkara-perkara yang dijalankan oleh majikan mereka, jadi mereka meletakkan saham-saham kepada nama isteri, nama adik, nama bapa, maka menaifnya ataupun faedah kepadanya adalah serupa juga. Orang ini memegang sebagai trustee kepada mereka. Jadi, kalau betul-betul FAMA hendak menjaga disiplin, patut memasukkan juga peruntukan iaitu employee ini hendaklah tidak ada kepentingan dengan perniagaan yang dijalankan oleh FAMA dan mereka ini juga hendaklah mengisytiharkan (declare) siapa selain daripada beliau samada isteri ataupun anak, adik beradik, mereka ini pun juga tidak patut mempunyai kepentingan di dalam apa juga perniagaan yang dijalankan oleh FAMA ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

5.59 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Maran dan segala syor-syornya itu adalah diambil perhatian untuk dilaksanakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.01 ptg.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah ditubuhkan melalui Akta dalam tahun 1969 bagi menjalankan segala aspek penyelidikan pertanian (kecuali getah) di negara ini.

Sejak tertubuhnya MARDI, beberapa kemajuan penyelidikan, terutama dalam bidang tanaman seperti padi, kelapa sawit dan sebagainya, telah tercapai. Memandangkan mustahaknya pembangunan sektor pertanian, bukan sahaja bagi menambahkan pengeluaran negara tetapi lebih-lebih lagi bagi membasmi kemiskinan, MARDI perlu memainkan peranan yang lebih giat lagi. Bagi maksud ini, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, satu projek besar-besaran telah diluluskan bagi memperbaiki dan memperluaskan usaha-usaha penyelidikan MARDI.

Projek ini yang telahpun mula dilaksanakan, akan menelan belanja lebih kurang \$256 juta. Sebanyak lebih kurang \$61.3 juta daripada jumlah ini dibiayai melalui pinjaman dari Bank Dunia dan perjanjian mengenainya telahpun ditandatangani dalam bulan Mei, 1975. Pada amnya, projek ini akan bertumpu kepada memajukan usaha-usaha penyelidikan terhadap mengadakan benih-benih serta baka-baka baru yang lebih

berhasil dan juga teknologi serta cara-cara pertanian yang baru dan moden. Semua usaha ini bertujuan menambahkan kemampuan negara mengatasi masalah daya, mutu dan hasil pengeluaran yang rendah di sektor pertanian terutama di kebun-kebun kecil di mana sebahagian besar dari kalangan rakyat miskin menumpukan mata pencarian hidup mereka di negara ini.

Bagi maksud menentukan bahawa MARDI lebih berkemampuan melaksanakan projek ini, satu langkah yang diambil ialah mengkaji peruntukan-peruntukan Akta MARDI 1969 untuk mencari kekurangannya. Telahpun didapati bahawa, pada amnya, peruntukan-peruntukan Akta tersebut adalah memadai. Walau bagaimanapun, ada beberapa peruntukan yang perlu dipinda bagi menyelaraskan kedudukan MARDI dengan badan-badan berkanun lain yang statusnya serta juga mengelakkan kemungkinan kelambatan pentadbiran.

Di antara beberapa pindaan yang diperlukan ialah pindaan mengenai cara perlantikan Pengarah dan Timbalan Pengarah serta bilangan jawatan Timbalan Pengarah yang patut diwujudkan di dalam organisasi MARDI. Akta yang berkuatkuasa sekarang ini memperuntukkan supaya Pengarah dan Timbalan Pengarah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas pencalonan Menteri setelah berunding dengan Majlis Sains. Adalah difikirkan lebih sesuai supaya perlantikan Pengarah diperbuat oleh Yang di-Pertuan Agong dengan pencalonan Menteri yang bertanggungjawab tanpa berunding dengan Majlis tersebut. Bagi Timbalan Pengarah pula, adalah memadai perlantikannya diperbuat oleh Menteri sendiri. Kedua-dua pindaan ini bertujuan memudahkan proses perlantikan supaya dapat mengelakkan kelambatan yang mungkin timbul. Dalam pada itu juga, adalah difikirkan tidak perlu perundangan diperbuat dengan Majlis Sains, memandangkan bahawa perlantikan ini adalah perkara pentadbiran dan bukan perkara "scientific".

Akta ini juga menghadkan bilangan jawatan Timbalan Pengarah kepada 2 orang sahaja. Adalah difikirkan lebih praktik jika jawatan tersebut tidak dihadkan bilangannya kepada angka-angka yang tertentu supaya tidak menghalang tindakan yang cepat bagi menambah atau mengurangkan bilangan jawatan tersebut mengikut keperluan dari satu masa ke satu masa.

Satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah berkaitan dengan keahlian Lembaga. Akta MARDI yang ada sekarang menentukan Pengarah MARDI sebagai Pengerusi Lembaga. Ini adalah satu kedudukan yang berlainan daripada amalan badan-badan berkanun yang lain yang pada kebiasaannya, mempunyai Pengerusi Lembaga yang berasingan daripada ketua eksekutifnya. Dengan itu adalah difikirkan lebih sesuai diadakan peruntukan bagi Pengerusi Lembaga dilantik oleh Menteri yang lain orangnya daripada Pengarah sendiri yang menjadi ketua eksekutif.

Adalah juga dilihat bahawa keahlian Lembaga pada masa ini tidak meliputi perwakilan Bahagian Perancang Ekonomi sungguhpun Bahagian tersebut ada diwakili di dalam Majlis Sains. Saya berfikir adalah lebih mustahak dan sesuai bagi Bahagian tersebut diwakili dalam Lembaga daripada Majlis Sains memandangkan pandangan makro yang boleh diadakan olehnya dari segi dasar pertanian dan pembangunan negara.

Pada masa ini, perlantikan ahli-ahli Lembaga adalah diperbuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Pada kebiasaannya, ahli-ahli Lembaga badan-badan berkanun dilantik oleh Menteri yang berkenaan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya ahli-ahli Lembaga MARDI juga dilantik oleh Menteri dengan peruntukan bahawa semua yang dilantik itu adalah boleh dilantik semula. Ini bertujuan menentukan adanya persambungan di dalam keahlian Lembaga untuk memberi sumbangan yang berkesan.

Perubahan di dalam organisasi MARDI serta komposisi Lembaga tidak akan berkesan jika sekiranya tiada perubahan-perubahan dilaksanakan dari segi keahlian Majlis Sains. Memandangkan bahawa MARDI adalah satu institusi penyelidikan yang utama di negara ini, sumbangan kepakaran yang boleh diadakan oleh Majlis Sains adalah sangat mustahak. Dengan yang demikian, adalah perlu bagi Majlis tersebut mempunyai status serta kemampuan yang wajar bagi menjalankan tanggungjawab itu. Bagi maksud ini, keanggotaan Majlis tersebut hendaklah diperluaskan supaya sebarang kepakaran dan pengalaman bersabit dengan pertanian dapat diwakili di dalamnya. Di bawah Akta sekarang Kementerian Pertanian hanya mempunyai seorang ahli

sahaja di dalam Majlis tersebut. Adalah difikirkan perlu ditambahkan bilangan itu kepada 3 orang wakil supaya lebih bermakna memandangkan bahawa MARDI juga bertanggungjawab dalam penyelidikan ternakan dan ikan air tawar. Dalam pada itu pula, adalah diperhatikan sekarang tiada pertalian atau perhubungan yang erat di antara perjalanan Lembaga MARDI dengan usaha-usaha Majlis Sainsnya. Ini mungkin disebabkan jawatan Pengerusi Majlis Sains adalah dipegang oleh ahli yang dilantik luar daripada organisasi MARDI. Dengan itu, untuk mengujudkan pertalian yang lebih berkesan antara kedua-duanya adalah dicadangkan supaya Pengarah MARDI sendiri ditetapkan sebagai Pengerusi Majlis Sains.

Pada masa ini, banyak kekeliruan telah timbul disebabkan berlainannya gelaran-gelaran yang digunakan dalam badan-badan berkanun. Dalam perkara ini, adalah sesuai jika sekiranya gelaran-gelaran jawatan yang digunakan oleh MARDI adalah selaras dengan gelaran-gelaran yang digunakan dalam badan-badan berkanun yang lain. Bagi maksud ini, gelaran Pengarah dan Timbalan Pengarah Instituti tersebut haruslah ditukar kepada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.

Selain daripada pindaan-pindaan yang utama seperti yang telah saya huraikan di atas itu, pindaan-pindaan lain adalah kecil dan berupa lanjutan (consequential) sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan sedikit pindaan sebagaimana yang tersebut di dalam Kertas Pindaan DR. 55/76 sebagaimana yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini seperti berikut:

Gantikan Implikasi Kewangan yang terdapat di bahagian akhir Rang Undang-undang itu dengan yang berikut—

“Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.”

Substitute the following for Financial Implications appearing at the end of the Bill—

“This Bill will involve the Government in extra financial expenditure, the amount of which cannot be ascertained at present.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TALIKOM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Talikom, 1950 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Akta Pindaan ini bertujuan:

- (i) Bagi menentukan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang merosakkan atau memusnahkan talian talikom atau plant dan menyediakan satu dasar yang sesuai bagi menentukan nilai barang-barang yang dirosakkan dan kehilangan akibat dari kerosakan tersebut.
- (ii) Pindaan tersebut bertujuan untuk memberi kepada Penguasa Talikom hak eksklusif menyusun, menerbit dan mencetak semua buku-buku Panduan Talipon dan Telex.

Di samping itu juga pindaan tersebut menentukan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang menyusun, menerbit atau mencetak sebarang Buku Panduan Talipon atau Telex tanpa kebenaran dan menetapkan penalti bagi kesalahan tersebut.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan menentukan dengan tegas bahawa kehilangan, kerosakan pada harta Jabatan Talikom dapat dikurangkan di samping mengawal pengeluaran Buku Panduan Talipon atau Telex demi kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.17 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang menegur berkenaan dengan keadaan yang terdapat pada masa sekarang di mana Buku Panduan Talipon (Telephone Directory) kita termasuk yang dinamakan Yellow Pages itu masih diurus dan dikeluarkan oleh satu syarikat perdagangan luar negeri. Pada hemat saya, kerja dan usaha semacam ini, mengeluarkan Buku Panduan Talipon, bukanlah satu kerja dan usaha yang begitu payah dan susah yang patut dikekalkan sebagai satu perusahaan yang dilanjutkan sebagai perusahaan dagang luar negeri ataupun syarikat asing. Barangkali sudah sampai masanya bagi pihak yang berkenaan, yang berkuasa dalam Jabatan Talikom yang pula hendak diberi kuasa pada hari ini mengubah sikap untuk memberi peluang kepada anak negeri khususnya bumiputra mengambil bahagian dalam perkara ini.

Perkara kedua, saya suka membangkitkan berkenaan dengan Buku Panduan Talipon bahawa setakat yang dibuat sekarang ini memberi kuasa penuh, barangkali terpulung kepada pihak penguasa, iaitu Ketua Pengarah, akan tetapi saya harap jangan pula ini mengikat sehingga tidak dapat pula anak-anak negeri ataupun orang-orang yang suka menerbit, mencetak atau mengeluarkan buku-buku tambahan daripada official directory itu. Oleh sebab memandang kepada keadaan di mana Buku Panduan Talipon (Telephone Directory) yang terdapat pada hari ini, pada

hemat saya kurang mutunya, susah hendak dicari tempat-tempat yang dikehendaki. Baru-baru ini ada terbit satu panduan yang lebih kemas, yang lebih ringkas yang saya dapati tidak disahkan ataupun tidak diterima sebagai rasmi, akan tetapi pada pihak pengguna lebih berguna, sebab tersusun lebih sempurna, lebih senang dirojak dan sebagainya. Mungkin oleh sebab sudah timbul keadaan yang semacam ini maka pindaan ini dibawa di sini. Saya harap itu bukan tujuan dan maksudnya.

Tujuan dan maksudnya barangkali untuk mengemaskan, bukan hendak menyekat inisiatif ataupun daya usaha daripada pihak dalam negeri ini sendiri. Kalau ada Buku Panduan Talipon ini yang dianggap sebagai official, itu memang elok, akan tetapi jikalau ada pula orang ataupun syarikat yang hendak keluaran supplementary ataupun terjemahan ataupun panduan lain yang tidak disebut sebagai official Telephone Directory akan tetapi barangkali dia cuma buat senarai cara alphabetical order, misalnya nama-nama Inggeris untuk digunakan oleh syarikat-syarikat dagangan luar negeri ataupun untuk dihantar keluar negeri, misalnya diadakan international edition ataupun international translation, barangkali dalam bahasa Perancis, bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Vietnam, bahasa Indonesia dan sebagainya. Adakah kuasa ini diberi di bawah pindaan ini akan menyekat inisiatif ataupun daya usaha semacam ini yang tidak mendatangkan sebarang kerugian, sebaliknya barangkali elok kalau pihak yang berkuasa beri pula pertolongan, panduan, nasihat dan menentukan apa yang hendak dikeluarkan yang akan memberikan menafaat, yang akan berguna kepada orang ramai, yang akan mendatangkan faedah kepada negeri ini, akan barangkali lebih menyenangkan perhubungan antara negeri kita dengan negeri lain, asalkan ini tidak mendatangkan kerugian ataupun mendatangkan salah faham. Saya harap janganlah menggunakan kuasa yang akan diberi ini untuk menyekatnya.

6.21 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian mengenai teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas mengenai buku panduan yang ada sekarang

yang dicetak oleh sebuah syarikat di luar negeri dan meminta diberi peluang kepada anak negeri dan bumiputra khususnya mencetak buku panduan talipon itu. Dalam masaalah ini saya sukacita memberikan pengakuan kepada pihak Ahli Yang Berhormat seberapa boleh saya akan rundingkan masaalah ini dengan pihak Jabatan Talikom supaya membolehkan buku panduan talipon pada masa yang akan datang dicetak di negeri ini sendiri dan oleh syarikat-syarikat anak negeri sendiri.

Demikian juga mengenai pandangan-pandangan yang diberi mengenai kesukaran-kesukaran yang terdapat untuk mencari nama-nama atau alamat, talipon-talipon yang ada dalam directory yang ada sekarang, masaalah ini juga akan diperbaiki seberapa boleh, demikian juga masaalah samada dengan Akta ini adakah dimaksudkan untuk menyekat penduduk-penduduk tempatan atau syarikat tempatan mengadakan supplementary atau seumpamanya, perkara ini akan saya bincangkan dengan pihak Jabatan Talikom.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 dan untuk memperluaskan kuatkuasa Ordinan itu, sebagaimana yang dipinda, ke seluruh Malaysia dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tujuan utama pindaan tersebut ialah bagi mengawal aktiviti perkapalan pantai (coastal shipping) yang dijalankan dalam kawasan perairan Malaysia. Pada ketika ini aktiviti perkapalan pantai boleh dijalankan oleh mana-mana syarikat, samada yang didaftarkan di dalam ataupun di luar negeri, tanpa apa-apa syarat. Keadaan yang begini telah membolehkan syarikat-syarikat perkapalan luar negeri mengambil bahagian yang lebih aktif daripada syarikat-syarikat perkapalan di dalam negeri dan selain daripada syarikat M.I.S.C. Coastal lain-lain syarikat dalam negeri telah tidak dapat mengambil bahagian dengan berjaya. Dengan pindaan ini maka peluang untuk syarikat-syarikat perkapalan dalam negeri mengambil bahagian di dalam aktiviti perkapalan pantai akan menjadi cerah.

Kini masanya telah sampai bagi Kerajaan mengambil langkah bagi melindungi pelabur-pelabur tempatan yang mengambil bahagian dalam aktiviti perkapalan pantai. Perlindungan ini diberi dengan cara menghadkan aktiviti perkapalan pantai kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia dan memiliki kapal-kapal bendera Malaysia.

Suka saya menegaskan bahawa tindakan yang akan diambil selepas kuatkuasanya undang-undang yang dicadangkan ini bagi menghadkan perkhidmatan perkapalan pantai kepada syarikat-syarikat dan kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia tidak akan menimbulkan satu keadaan yang lebih buruk daripada keadaan sekarang. Ini ialah kerana syarikat-syarikat tempatan yang telah ditubuhkan memiliki bilangan kapal-kapal yang mencukupi bagi menemui keperluan perdagangan pantai Malaysia. Adalah diharapkan bahawa tindakan yang dirancang ini akan dapat menimbulkan satu kedudukan yang lebih teguh bagi industri perkapalan pantai negara ini dalam jangka masa panjang.

Dasar yang menghadkan pengangkutan perdagangan tempatan kepada syarikat-syarikat dan kapal-kapal tempatan ini yang dikenali sebagai "cabotage policy" bukanlah satu dasar yang baru tetapi adalah satu dasar

yang telah diterima dan dilaksanakan di kebanyakan negara-negara yang mempunyai perdagangan pantai (coastal trade) yang luas di dalam kawasan-kawasan perairan mereka sendiri.

Bagi melaksanakan undang-undang baru ini selaras dengan dasar-dasar Kerajaan, sebuah Badan Pelesenan Perkapalan Tempatan akan ditubuhkan. Selepas kuatkuasanya undang-undang ini syarikat-syarikat tempatan yang memiliki kapal-kapal bendera Malaysia tidak dengan secara automatik berhak mengambil bahagian di dalam perdagangan pantai. Syarikat-syarikat tersebut hendaklah terlebih dahulu memohon lesen daripada Badan Pelesenan Perkapalan Tempatan. Adalah menjadi satu tujuan penting bagi Badan Pelesenan tersebut untuk menentukan yang syarikat-syarikat yang diberi

lesen hendaklah mematuhi Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais Parit): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Parit akan mula bercakap petang esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 15hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.